

JILID II

HARI ISNIN

BIL. 1

19, DISEMBER, 1983



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA

SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER	2
PEMBENTANGAN RISALAT-RISALAT	2
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN	2
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN	47
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1984), 1983	70

MUKA SURAT

2
2
2
47
70

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG,
YANG KEENAM MESYUARAT YANG KETIGA
BAGI PENGGAL YANG KEDUA.**

ISNIN, 19HB. DISEMBER, 1983

HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
 Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
 Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

ABSENT:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng)

TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER.

Tuan Speaker:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengumumkan bahawa Y.B. Encik Song Ban Kheng telah memohon cuti daripada 9hb. hingga 24hb. Disember, 1983. Menurut Artikul 17, Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, adakah Ahli-ahli Dewan meluluskan permohonan cuti itu?

Ahli-ahli Dewan:

Ya.

3. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan kertas-kertas Bilangan 12 hingga 14 tahun 1983 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

4. (A) JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I) Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu berapakah jumlah tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri?
- (a) Berapa ramaikah di antara pemilik tanah yang berhutang sebanyak \$10,000.00 (sepuluh ribu) atau lebih?
- (b) Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk merampas tanah-tanah yang cukainya masih belum dibayar?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada cadangan supaya tunggakan cukai tanah dibenarkan untuk dibayar secara ansuran?
- (d) Adakah Kerajaan Negeri meran-

cang untuk mengadakan unit atau kenderaan bergerak ke kampung-kampung bagi tujuan mengutip cukai tanah?

(1. *How much are the arrears in quit rent?*

(a) *How many of the landowners are in arrears of \$10,000.00 or more?*

(b) *What steps have or will be taken by the Government to confiscate the land with arrears in quit rent?*

(c) *Is the State Government giving consideration to the proposal that the quit rent arrears may be paid in instalments?*

(d) *Does the State Government plan to have a mobile unit to collect quit rent in the rural areas?*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, jawapan untuk soalan 1(a) ialah seperti berikut:-

Jumlah tunggakan bayaran cukai tanah yang belum dijelaskan sehingga 30hb. November, 1983 ialah \$7.21 juta tidak termasuk denda lewat sejumlah \$1.79 juta.

Bilangan lot yang tertentu yang berhutang sebanyak \$10,000.00 atau lebih ialah 33 lot.

Jawapan untuk soalan 1(b) adalah seperti berikut: Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengeluarkan Notis 6A di bawah Seksyen 97, Kanun Tanah Negara bagi 33 lot tersebut. Tanah-tanah berkenaan akan diisytiharkan sebagai "Hak Kerajaan" di bawah Seksyen 100 jika tidak dibayar dalam tempoh tiga bulan.

Jawapan bagi soalan 1(c) ialah ada. Pertimbangan akan diberikan secara kes demi kes apabila permohonan diterima.

Jawapan bagi soalan (d) ialah ada. Rancangan untuk mengadakan unit bergerak bagi tujuan mengutip hasil tanah dalam kajian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada tuan tanah yang masih berhutang untuk membayar balik tunggakkannya secara bayaran ansuran?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):
Ada.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):
Tuan Speaker, soalan kedua:-

2. Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan dari kedua-dua Majlis Perbandaran untuk menaikkan cukai pintu? Bolehkah pihak Kerajaan Negeri mengarahkan Majlis-majlis Perbandaran ini menunda atau membatalkan perlaksanaan cadangan menaikkan cukai pintu itu?

- (2. *Has the State Government approved the proposal from the two Municipal Councils to increase the assessment rate? Can the State Government direct the Municipal Councils to postpone or cancel its implementation?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang menimbangkan kelulusan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):
Tuan Speaker, soalan ketiga:-

3. Adakah jalan-jalan di Butterworth yang didapati di bawah taraf (*sub-standard*) yang telah dikenalpasti (*identified*) oleh pihak Kerajaan untuk diambilalih? Jika tiada, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah jalan-jalan yang di bawah taraf dan belum diambilalih oleh pihak Kerajaan?

- (3. *Have those roads in Butterworth classified as sub-standard been identified for taking over by the State Government? If not, what steps are being taken to overcome the problem of sub-standard roads not yet taken over by the Government?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telahpun mengenalpasti beberapa batang jalan yang di bawah taraf di Butterworth dan telah pun mengemukakan satu senarai kepada J.K.R. untuk menjalankan kerja-kerja penyasanaan

tapak supaya anggaran perbelanjaan untuk menaikkan taraf jalan tersebut dapat disediakan dan satu kertas dimajukan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat pertimbangan bagi maksud mengambilalih jalan-jalan tersebut. Amalan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengambilalih jalan-jalan tersebut sekarang ini ialah secara kes demi kes bagi taman perumahan yang berkenaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Bolehkah kita diberitahu apakah jalan-jalan yang telah dikenalpasti?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, senarai ini adalah terlalu panjang dan maklumat itu, dengan kebenaran Tuan Speaker, boleh dikemukakan kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, soalan keempat:-

4. Adakah projek-projek rumah kos rendah Kerajaan Negeri, khususnya rumah pangsa dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pemadam api? Jika ada, nyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan? Adakah kemudahan-kemudahan ini cukup dari segi menjamin keselamatan penghuni-penghuni?

- (4. *Are the low-cost housing projects of the State Government, particularly the flats, provided with fire-fighting equipments? If so, what are the equipments? Are these sufficient to ensure the safety of the occupants?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, rumah pangsa kos rendah Kerajaan Negeri adalah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan "pancur kering" (*dry riser*) untuk mencegah kebakaran. Bagi rumah-rumah pangsa bertingkat tinggi pula "*fire extinguishers*" juga disediakan untuk tujuan tersebut. Kemudahan-kemudahan ini adalah dirasa mencukupi bagi menjamin keselamatan penduduk-penduduk di situ.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan kelima:-

5. Setakat manakah kemajuan yang dicapai dalam projek-projek perumahan Kerajaan di Jalan Mohd. Saad, Mak Mandin I dan Mak Mandin II? Berapakah jumlah bilangan unit yang sedang dibina dalam projek-projek ini? Bilakah projek-projek ini dijangkakan siap dan akan diperuntukkan?

- (5. *What is the progress achieved in the State housing projects in Jalan Mohd. Saad, Mak Mandin I and Mak Mandin II? What is the number of units being built in each of the projects? When are these projects expected to be completed and allocated?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, kedudukan kemajuan projek-projek perumahan tersebut adalah seperti berikut:-

Nama Projek	Kemajuan Fisikal pada (31.10.83)	Bil. Unit	Tarikh Jangka Siap
i) Jalan Mohd. Saad	70%	300	22.3.84
ii) Mak Mandin I	80%	400	13.6.84
iii) Rumah Hijau Mak Mandin	70%	200	11.7.84

Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memperuntukkan rumah-rumah ini supaya ianya diduduki oleh penghuni-penghuni pada awal tahun depan (1984).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan keenam:-

6. Adakah pihak Bahagian Perumahan Negeri sedar bahawa maklumat mengenai pemohon-pemohon rumah kos rendah yang telah dikumpulkan beberapa tahun yang lepas telah tidak lagi kemaskini? Adakah pihak yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan maklumat-maklumat itu?

- (6. *Is the State Housing Division aware that particulars of low-cost housing applicants submitted in the past few years are no longer up-to-date? Will the Division take steps to have these*

particulars brought up to date?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, pada masa ini memang terdapat maklumat-maklumat pemohon rumah kos rendah yang telah berubah sejak mereka membuat permohonan di tahun-tahun yang lepas. Perubahan maklumat-maklumat ini adalah dibuat secara *manual* sahaja oleh Bahagian Perumahan apabila pemohon berkenaan mengemukakan maklumat-maklumat baru mengenai diri mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mendaftar semula pemohon-pemohon rumah awam kos rendah pada tahun hadapan. Adalah diharapkan bahawa pendaftaran semula ini akan mengemaskinikan semua maklumat-maklumat pemohon yang telah membuat pendaftaran. Kerajaan Negeri juga sedang merancang dengan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mengujudkan satu sistem pendaftaran pusat bagi permohonan-permohonan rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(II) Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Bolehkah Y.A.B: Ketua Menteri memberitahu Dewan ini. Adakah perjanjian penjualan telah dibuat dengan KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. untuk pembinaan sebuah hotel dalam projek KOMTAR tersebut? Jika ya, nyatakan saiz tanah yang telah dijual, harga dan juga keuntungan dalam penjualan itu?

- (1. *Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House whether an agreement of sale had been entered with KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. for the construction of a hotel located in the KOMTAR project? If the sale has been concluded also state the size of land sold, the consideration and the gains on the sale.*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menandatangani Surat Perjanjian Penjualan, yang bertarikh Ogos 22, 1983, dengan KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. untuk penjualan tapak hotel di KOMTAR Fasa IE. Tapak ini

yang seluas 4,800 meter persegi telah dijual di atas harga \$7.75 juta.

Tapak hotel telah dijual kepada KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. demi menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam usaha-usaha pembangunan di Negeri Pulau Pinang, selaras dengan Konsep Pen-swastaan. KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. adalah dikehendaki membina sebuah hotel dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh pengambilan tapak atau kelulusan pelan-pelan binaan yang mana yang terkemudian.

KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. adalah dijangka memulakan kerja-kerja pembinaan pada bulan Disember, 1983. Pembinaan hotel tersebut dijangka siap dibina pada bulan Februari, 1986. KOMTAR Hotel Sdn. Bhd. telah mencadangkan membina sebuah hotel 19-tingkat yang akan menyediakan 468 buah bilik tetamu serta tempat letak kereta bawah tanah bagi 109 buah kereta, "coffee-house, bar lounge", Restoran Cina, Restoran Jepun, "function rooms, banquet hall" dan "health club" dengan kolam renang.

Iniilah yang membawa faedah dan keuntungan kepada Kerajaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah cadangan untuk membina sebuah hotel di kawasan Projek KOMTAR itu ada di dalam pelan asas Projek KOMTAR?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, pelan untuk KOMTAR adalah satu pelan yang mempunyai lima fasa dan dalam fasa itu adalah mengikut sub-division A, B, C sehingga E. Pelan-pelan itu selalu direview.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan kedua:-

2. Berapakah jumlah bilangan pasar yang terdapat di Pulau Pinang? Adakah apa-apa rancangan untuk memperbaiki atau membesarkan pasar-pasar tersebut memandangkan kepada keadaan pasar-pasar sekarang yang telah buruk dan sempit?

- (2. *State the number of markets in Penang and any plans to build or re-construct*

new markets in view of the fact that existing markets are out-dated and short of space.)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, pada masa ini terdapat kira-kira 30 buah pasar di Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu 14 daripadanya ialah di Pulau Pinang dan selebihnya iaitu yang 15 lagi terdapat di Seberang Perai. Pada masa ini terdapat 3 buah lagi pasar awam yang sedang didirikan di Pulau Pinang yang melibatkan perbelanjaan yang boleh dikatakan besar iaitu hampir \$7 jut (dengan tepatnya ialah sebanyak \$6,860,555.00) dan 2 buah pasar lagi sedang diperbesarkan di Seberang Perai iaitu di Bagan Ajam dan juga di Bukit Mertajam. Dalam tahun 1984 telah dirancang untuk diadakan beberapa buah lagi pasar misalnya di Pulau Pinang adalah sekurang-kurangnya 3 buah lagi iaitu di Teluk Bahang, Tanjung Bungah dan juga di Kampong Pisang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan ketiga:-

3. Berapakah jumlah kompleks penjaja di Pulau Pinang dan adakah sebarang rancangan untuk membina lebih banyak kompleks penjaja?

- (3. *State the number of hawkers' complexes in Penang and any provision to build more hawkers' complexes.)*

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, pada masa ini terdapat kira-kira 25 kompleks penjaja di Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu 18 di Pulau Pinang dan 7 buah lagi di Seberang Perai. Sebuah kompleks penjaja lagi sedang dibina iaitu di Jalan Trengganu dan dijangka siap pada penghujung tahun ini. Selain daripada itu kerja membina sebuah lagi kompleks penjaja ialah di Bandar Bayan Baru. Ini dijangka siap pada awal tahun hadapan. Selain dari itu banyak lagi ruang-ruang atau kompleks-kompleks sedang dirancang untuk didirikan pada tahun-tahun yang akan datang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan keempat:-

4. Bilakah tarikh pembinaan "coastal

highway" di Pengkalan Kota, jumlah penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek ini dan gantirugi yang akan dibayar kepada penduduk-penduduk tersebut?

- (4. *State the commencement date of the coastal highway in Pengkalan Kota, number of residents affected by this project and compensation to be paid to the affected residents.*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Jalan Pantai Utara (North-Coastal Road) daripada jalan masuk Jambatan Pulau Pinang ke KOMTAR telah pun ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan memandangkan kemelesetan ekonomi negara pada ketika ini.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan kelima:-

5. Adakah benar laporan di akhbar Star tentang adanya surat palsu mengenai rumah-rumah murah dihantar kepada orang-orang yang berkenaan yang kononnya ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Majlis Mesyuarat Kerajaan? Jika benar, ini memangnya satu perkara yang serius dan adakah apa-apa siasatan yang telah dijalankan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap perkara tersebut?
- (5. *State whether the reports of the Star Publication is true that forged letters of allocation of low-cost housing units were sent to some members of the public purportedly signed by the Executive Councillor for Housing. If it is true, this is a serious matter of public importance. Has any investigation been made? What action has been taken on the matter?*)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, ya.

(III) **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan pertama:-

- A 1. Berapakah jumlah bilangan rumah yang telah dirobohkan atau yang akan dirobohkan? Nyatakan jumlah orang-orang yang terlibat akibat dari pembinaan Jambatan Pulau Pinang di Pulau Pinang dan Seberang Perai?

- (1. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House the number of houses demolished or will be demolished and the number of people affected as a result of the construction of the Penang Bridge in Penang Island and Province Wellesley?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jumlah rumah yang dirobohkan sendiri oleh mereka yang terlibat dengan pembinaan jambatan sehingga sekarang ialah 20 buah dan yang akan diroboh sendiri ialah 78 buah. Rumah-rumah itu dirobohkan apabila mereka telah dibayar pampasan dan ditentukan tempat penempatan semula. Jumlah orang-orang yang terlibat dengan pembinaan Jambatan Pulau Pinang ialah 650 orang yang terdiri daripada penduduk-penduduk di Seberang Perai sahaja.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah sebarang bantahan daripada orang-orang tersebut?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, tidak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Perjanjian Jual-Beli Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk unit-unit rumah tidak menyediakan 'time frame' di mana pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang terpaksa menyerahkan unit-unit rumah kepada pembeli-pembeli. Perjanjian yang tidak adil ini sebenarnya telah dieksploitasikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan melwatkan penyerahan unit-unit rumah kepada pembeli-pembeli. Jika ya, adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mengkaji balik

perjanjian yang tidak adil untuk mengadakan 'time frame' bagi menyerahkan unit-unit rumah kepada pembeli-pembeli untuk memastikan pembeli-pembeli tidak akan mengalami kerugian kewangan akibat dari kelambatan tersebut?

- (2. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the Penang Development Corporation's Sales and Purchase Agreement for their housing units does not provide for a "time frame", thereby they have to hand over the housing units to the Purchasers. This unfair agreement has in fact been exploited by the Penang Development Corporation which delays handling over housing units to purchasers thus causing undue financial strain and losses to the purchasers. If so, will the Chief Minister direct the Penang Development Corporation to rectify this unfair agreement to include a 'time frame' for handing over of housing units to the purchasers to ensure that purchasers are not made to suffer financial losses, due to the delay?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Surat Perjanjian Jualan yang digunakan untuk penjualan unit-unit perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang terdapat dalam 2 bentuk.

Satu darinya adalah untuk unit-unit perumahan 'low-rise' di mana masa penyerahannya dinyatakan di dalam perjanjian tersebut. Pada mulanya jangka masa ini adalah 18 bulan dari tarikh menandatangani Perjanjian Jualan. Bagaimanapun di dalam perjanjian-perjanjian yang terbaru iaitu ditandatangani selepas Julai 1981, masa untuk menyiapkannya dinyatakan sebagai 24 bulan.

Satu lagi bentuk perjanjian digunakan untuk jualan unit-unit perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang jenis 'high-rise'.

Dalam bentuk ini, masa untuk menyiapkannya tidak dinyatakan di dalam Surat Perjanjian Jualan oleh kerana jangkamasa penyiapan bagi projek-projek 'high-rise' bergantung kepada 'complexity' projek.

Bagaimanapun segala usaha dibuat untuk menyiapkan projek berkenaan dengan secepat mungkin.

Walaupun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dikecualikan dari peruntukan-peruntukan Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) 1966 (Seksyen 2 Akta tersebut adalah dirujuk), dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berusaha seberapa boleh untuk mematuhi garis-garis panduan yang ditetapkan di dalam Akta berkenaan. Berkaitan dengan ini, kami sedar bahawa dalam Peraturan-peraturan Pengawalan dan Perlesenan Pemaju-pemaju Perumahan tahun 1982 yang terbaru seperti di dalam Jadual E, satu Perjanjian Jualan dan Pembelian yang seragam digunakan berkenaan dengan penjualan perumahan. Bentuk yang seragam ini memberi masa untuk penyerahan seperti dalam Fasal 18 sebagai 28 bulan. Peruntukan perjanjian yang seragam ini bagaimanapun hanyalah untuk unit-unit perumahan 'low-rise'.

Hingga kini, penyerahan unit-unit kediaman iaitu, dari tarikh menandatangani Perjanjian Jualan dan tarikh pemberian kunci bagi projek-projek 'high-rise' adalah antara 6 hingga 29 bulan.

Jangka masa penyiapan rumah pangsa 'high-rise' dari pengalaman lalu adalah antara 18 bulan hingga 30 bulan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan ketiga:-

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa baru-baru ini terdapat beberapa kecurian alat-alat motosikal di rumah pangsa di kawasan tanah yang ditebusguna di Gat Lebu Macallum dan penduduk-penduduk amat tidak puas hati dengan keselamatan yang disediakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?

Jika ya, dan memandangkan kepada kenyataan bahawa penduduk-penduduk rumah pangsa tersebut membayar antara \$8.00 - \$22.00 sebulan sebagai bayaran perkhidmatan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah pihak perbadanan akan menyediakan perkhidmatan keselamatan yang lebih baik untuk menjaga harta benda penduduk-penduduk rumah pangsa tersebut? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan? Jika tidak, mengapa?

- (3. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that there is a recent spate of motor-cycle parts theft at the flats in Macallum Street Ghaut reclamation*

areas and the residents are very unhappy over the security provided by the Penang Development Corporation?

If so and in view of the fact that the residents of the flats are paying between \$8.00 to \$22.00 monthly as services charge to PDC will the Hon'ble the Chief Minister direct the Penang Development Corporation to provide better security services to safeguard the properties of the residents? If yes, what are the measures, if not, why not?)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, di rumah pangsa Gat Leboh Macallum ada terdapat kejadian kecurian akan tetapi hanya beberapa mangsa sahaja yang telah membuat laporan polis. Mengikut pihak polis, kebanyakan mangsa-mangsa tidak membuat laporan, oleh yang demikian penyelidikan polis dalam kejadian-kejadian ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Kawalan keselamatan yang biasanya diberi oleh pihak polis ada dalam kawasan ini. Selain daripada itu, perbadanan juga mengadakan kawalan keselamatan oleh syarikat swasta untuk bertugas sepanjang masa.

Dengan perkembangan kawasan Gat Leboh Macallum ini, pihak polis sedang memberi pertimbangan untuk mengadakan satu stesyen polis di kawasan ini. Untuk tujuan ini Perbadanan telah memperuntukkan satu unit kepada pihak polis dan adalah dijangkakan bahawa stesyen polis ini akan memberi perkhidmatannya pada awal tahun 1984.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan keempat:-

4. (a) Berapakah jumlah peruntukan yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Pusat untuk projek rumah kos rendah di dalam Negeri Pulau Pinang daripada jumlah \$340 juta ringgit yang telah diperuntukkan untuk projek rumah kos rendah di dalam negara ini seperti yang dinyatakan di dalam Belanjawan Negara 1984?
- (b) Oleh kerana hanya \$340 juta ringgit telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk rumah kos

rendah bagi seluruh negara tahun 1984, peluang bagi Kerajaan Negeri untuk mendapatkan jumlah sebanyak \$176.4 juta ringgit seperti yang dipohon dalam bulan November, 1982 dahulu adalah amat tipis. Memandangkan hal ini, adakah sebarang langkah telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan punca-punca kewangan lain untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah di dalam Negeri? Jika ya, beri butir-butir dan jika tidak, mengapa?

- (4) (a) *How much funds will the State Government receive from the Federal Government for low-cost housing projects in the State from the sum of \$340 million allocated for low-cost housing projects in the country as provided for the 1984 Federal Budget?*
- (b) *As only \$340 million have been allocated by the Federal Government for low-cost housing in the country in 1984, the chances of the State Government being allocated the full sum of \$176.4 million applied for in November 1982 is very slim. In view of this, can the Hon'ble the Chief Minister inform this House whether other measures have been taken or will be taken by the State Government to obtain other source of funds to solve the acute housing shortage in the State? If yes, give details and if not, why not?)*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, jumlah \$340 juta yang di dalam Belanjawan Negara 1984 adalah untuk pinjaman tambahan bagi projek-projek yang melebihi peruntukan asal bagi tiap-tiap negeri. Negeri Pulau Pinang tidak terlibat di dalam pinjaman tambahan tersebut.

Jumlah peruntukan sebanyak \$176.4 juta ini adalah untuk melaksanakan projek-projek perumahan di bawah Kategori B yang berjumlah 7,056 unit. Permohonan pinjaman tambahan ini sedang ditimbang di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang mana

keputusannya belum lagi diterima secara rasmi dari Kerajaan Pusat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk mendapatkan punca-punca kewangan lain melalui penswastaan untuk membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah terutama sekali rumah-rumah kos rendah di Negeri ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan kelima:-

5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Ahli M.M.K. bertanggungjawab mengenai kemudahan-kemudahan awam telah menyatakan selaku Pemangku Ketua Menteri baru-baru ini bahawa Kerajaan sedang membiayai lebih kurang 40 peratus dari perbelanjaan pembinaan 2,394 unit rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Pengerusi Perumahan Negeri telah mendakwa bahawa Kerajaan Negeri hanya membiayai \$12 juta ringgit atau 16 peratus untuk jumlah bilangan unit rumah yang sama? Jika ya, dan memandangkan kenyataan yang bercanggah, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini jumlah sebenar wang yang Kerajaan Negeri perlukan untuk membantu membiayai pembinaan 2,394 unit-unit rumah kos rendah tersebut?

- (5. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the Exco member Datuk Khor Gark Kim has stated in his capacity as acting Chief Minister recently that the Government is subsidising about 40% of the cost of building 2,394 low-cost housing units under the Fourth Malaysia Plan and the State Housing Chairman has claimed that the State Government is only subsidising \$12 million or 16% for this same number of housing units? If so and in view of the two conflicting statements, can the Hon'ble the Chief Minister inform this House the actual amount of money the State Government needs to subsidise the building of these 2,394 low-cost housing units?*)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, dari maklumat-maklumat

paling akhir yang diterima daripada pegawai-pegawai saya adalah seperti berikut:-

Anggaran kos untuk membina 2,394 units rumah awam kos rendah yang sedang dilaksanakan sekarang ini ialah sebanyak \$72,797,234.00 berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak \$59,044,864.00. Ini bermakna terdapat perbezaan sebanyak \$13,752,370.00 iaitu 18.9% dari anggaran kos yang mana akan menjadi tanggungan Kerajaan Negeri.

- (i) Angka-angka yang dinyatakan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim mungkin merupakan angka-angka yang diperoleh semasa beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri.
- (ii) Subsidi ini mungkin dapat ditanggung oleh Kerajaan Negeri secara "cross-subsidy".

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan keenam:-

6. (a) Selepas Pilihanraya Umum yang lalu, berapakah jumlah unit rumah kos rendah yang telah ditarik balik oleh Kerajaan Negeri dari pemohon-pemohon yang berjaya?
 - (b) Di manakah unit-unit rumah telah ditarik balik itu?
 - (c) Mengapakah ianya ditarik balik?
 - (d) Adakah Kerajaan Negeri telah memperuntukkan unit-unit rumah yang telah ditarik balik kepada pemohon-pemohon lain?
- (6. (a) *Since the last General Election how many low-cost housing units have been repossessed by the State Government from successful applicants?*
 - (b) *Where are the repossessed housing units located?*
 - (c) *Why were they repossessed?*
 - (d) *Has the State Government reallocated these housing units that have been repossessed to other applicants?*)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, jumlah unit yang ditarik balik selepas Pilihanraya Umum pada bulan April 1982 ialah sebanyak 82.

Unit-unit yang ditarik balik mengikut rancangan adalah seperti berikut:-

a.	Taman Tun Dr. Awang	— 31
b.	Taman Tun Sardon II	— 23
c.	Jawi Per. I & III	— 20
d.	Taman Free School	— 4
e.	Simpang Tiga Berapit	— 2
f.	Permatang Tinggi	— 1
g.	Kuala Muda Per. I & II	— 1

	Jumlah	82

Unit-unit itu ditarik balik kerana setelah disiasat dan dari maklumat orang ramai pemohon mengemukakan maklumat palsu seperti tidak mempunyai rumah atau tanah semasa membuat permohonan.

Unit-unit rumah ini telahpun diundi untuk diperuntukkan kepada orang awam. Siastan telah dan terus dijalankan untuk menentukan hanya yang benar-benar layak saja mendapat perumahan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Apakah langkah-langkah yang Kerajaan Negeri ambil untuk memastikan bahawa hanya permohonan yang benar-benar layak diperuntukkan rumah kos rendah?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, tindakan yang telah diambil ialah untuk meminta pemohon-pemohon yang berjaya dalam ujian memberi surat sumpah bahawa mereka tidak mempunyai tanah atau rumah. Selepas itu setelah disiasat dan didapati ia mempunyai harta seperti rumah dan tanah, peruntukan itu akan ditarik balik.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:-

- Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa terdapat bantahan-bantahan yang meluas dan kekecewaan di

kalangan pemohon-pemohon unit rumah kos rendah bahawa mereka yang telah mempunyai rumah sendiri masih mendapat peruntukan rumah pangsa kos rendah dan seolah-olah ada berlaku rasuah dan penyelewengan di dalam memperuntukkan rumah pangsa kos rendah? Jika ya, memandangkan kepada hal tersebut, adakah Y.A.B. Ketua Menteri bercadang untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh terhadap semua projek rumah kos rendah bagi memastikan semua penghuni rumah kos rendah adalah terdiri dari orang-orang yang benar-benar memerlukan rumah?

- Is the Hon'ble the Chief Minister aware that there are wide-spread complaints and frustration among low-cost housing applicants that there are people who own houses being allocated low-cost flats and that there has been insinuations of corruption and malpractice in the allocation of low-cost flats. In view of this will the Hon'ble the Chief Minister consider conducting a thorough review on all low-cost housing projects to make sure that all residents of low-cost flats are people genuinely in need of housing?*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, peruntukan rumah-rumah awam kos rendah adalah dibuat kepada pemohon-pemohon yang layak berdasarkan kepada keterangan-keterangan dan akaun sumpah pemohon-pemohon yang mengesahkan bahawa mereka tidak mempunyai rumah atau tanah sendiri. Nama-nama pemohon yang berjaya mendapatkan rumah dipamirkan untuk orang ramai membuat bantahan terhadap peruntukan rumah-rumah berkenaan. Bantahan-bantahan yang diterima akan disiasat dan sekiranya didapati benar peruntukan rumah-rumah awam kos rendah terhadap mereka akan ditarik balik.

Mengenai kajian yang menyeluruh terhadap semua projek di Negeri kita, kajian ini masih diperimbang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

- Berapa ramaiakah setinggan-setinggan di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang,

mengikut pecahan kaum? Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu setinggan-setinggan tersebut?

- (8. *What is the number and racial breakdown of squatters in the North-East District of Penang and what measures have been taken by the State Government to help these squatters?*)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, jumlah keluarga setinggan-setinggan atas tanah Kerajaan di Daerah Timur Laut mengikut perpecahan kaum adalah seperti berikut:-

- i) Melayu : 10
- ii) Cina : 62
- iii) India : 4

Kerajaan Negeri membantu setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek Pembangunan Kerajaan secara peruntukan Rumah Kos Rendah Kerajaan sekiranya mereka mempunyai kelayakan atau akan ditempatkan di kawasan penempatan semula seperti di Permatang Damar Laut dan di Seberang Jaya.

Mereka juga akan dibayar wang ehsan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan kesembilan:-

9. (a) Bilakah kerja-kerja untuk cadangan membina pasar di kawasan tebusguna tanah di Gat Leboh Macallum akan dimulakan?
 - (b) Bilakah ianya dijangkakan siap?
 - (c) Adakah cadangan pembinaan pasar tersebut bertujuan untuk menempatkan peniaga-peniaga pasar Jalan Maxwell yang terlibat dengan projek KOMTAR atau untuk menempatkan peniaga dari kawasan-kawasan lain juga? Beri butir-butir.
- (9. (a) *When will work on the proposed market in the Macallum Street Ghaut reclamation area start?*
- (b) *When is it expected to be completed?*
- (c) *Is the proposed market construc-*

ted solely to rehouse traders in Maxwell Road market affected by the KOMTAR project or also to cater for traders from other areas? Give details.)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, di dalam perancangan kawasan Gat Leboh Macallum, satu tapak untuk menempatkan semula Pasar Borong yang sedia ada di Prangin Road telah pun dikenalpasti. Pihak Kerajaan telah mempertimbangkan bahawa kemungkinan projek ini ditawarkan kepada sektor swasta. Tawaran (*parcellation*) ini adalah dirancang untuk dimula pada suku tahun pertama tahun depan (1984).

Jawapan saya kepada bahagian (b) ialah jangkamasa perlaksanaan projek ini akan mengambil masa lebih kurang 2 tahun.

Jawapan kepada bahagian (c) ialah ya.

Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah juga memutuskan bahawa peniaga-peniaga kecil di Gat Leboh Macallum, dan Kompleks Penjaja akan dibina untuk menempatkan semula peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja yang sedia ada di Jalan Maxwell. Di dalam pembangunan ini, 69 gerai penjaja dan 176 kedai jenis berkunci akan diperuntukkan. Gerai-gerai ini akan dapat menampung kesemua penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang terdapat di Jalan Maxwell khususnya mereka yang terlibat oleh projek KOMTAR dan telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan bila mereka berpindah dari tapak-tapak mereka yang lalu dan lain-lain penjaja atau peniaga kecil yang perlu jika tapak yang mencukupi, bolehlah ditempatkan semula.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, soalan kesepuluh:

10. Adakah perbelanjaan bagi mengubahsuai ruang pejabat yang dibeli oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang di KOMTAR telah ditentukan? Jika ya, nyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat secara berasingan dan jika tidak, apakah sebab-sebab kelewatan ini?
- (10. *Has the cost of renovation to the office space purchased by the State Government and Majlis Perbandaran*

Pulau Pinang ini KOMTAR been ascertained? If so, state the amounts involved separately and if not, why the delay?)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kerja-kerja mengubahsuai ruang pejabat di Menara KOMTAR yang dikelola oleh pihak Jabatan Kerja Raya ialah untuk tingkat-tingkat 11, 18, 19, 20, 21 dan 22. Bagi tingkat-tingkat 3, 23, 25, 26 dan 28 ianya dikelola oleh Juru Perunding Jurubina Bertiga Sdn. Bhd. dan untuk tingkat-tingkat 4 dan 12 hingga 17 ianya dikelola oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kerja-kerja mengubahsuai telah dimulakan pada 20hb. September tahun ini (1983) dan dijangka siap pada 22hb. Januari, 1984.

Kos mengubahsuai ruang-ruang pejabat yang dibeli oleh Kerajaan Negeri iaitu untuk tingkat-tingkat 3, 11, 18, 19, 10, 21, 22, 23, 25, 26, dan 28 ialah kira-kira \$4,207,997.63. Bagi tingkat-tingkat 3, 4, 12 hingga 17 yang dikelola oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kos mengubahsuai adalah dianggarkan kira-kira \$2,976,563.00.

Kos mengubahsuai untuk tingkat-tingkat 11, 18, 19, 20, 21 dan 22 yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya ialah \$725,516.00.

Kos mengubahsuai untuk tingkat 3, 23, 25, 26 dan 28 ialah \$3,482,481.63.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan menduduki tingkat 3 dan 4 Podium KOMTAR dan tingkat 12 hingga 17 Blok Menara. Jadual bagi Jabatan-jabatan Majlis mula dan siap berpindah ke pejabat baru di KOMTAR ialah dari 4hb. Januari tahun depan (1984) hingga 15hb. Mac, 1984. Kerja-kerja mengenai alat pelekap dalam dan kerja-kerja membina sekatan sedang dijalankan sekarang. Jumlah perbelanjaan bagi alat pelekap dalam, perabut dan pembaikan semula am dianggar sebanyak \$2,976,563.00.

Jumlah kos mengubahsuai untuk tingkat 3, 4 dan 12 — 17 yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang ialah \$2,976,563.00.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Mengapa begitu banyak dibelanjakan untuk *renovation* dan ubahsuaian di masa kita sedang menghadapi kemerosotan ekonomi?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, inilah satu rancangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri beberapa tahun yang lalu dan mengikut pentadbiran dan perkhidmatan yang kita jalankan, kita telah menyediakan cabaran kemerosotan ekonomi. Ini menunjukkan macam mana Kerajaan Negeri telah bersedia untuk menjalankan rancangan-rancangannya mengikut jadual.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 11:-

11. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Pulau Pinang telah menghantar satu memorandum terhadap masalah penjaja-penjaja di dalam Negeri ini kepada Pengerusi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan salinan kepada Ketua Menteri dan Perdana Menteri pada 2hb. Jun, 1983? Jika ya, nyatakan langkah dan tindakan yang diambil berikutan dengan memorandum tersebut?

(11. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the Penang Petty Traders' Association had submitted a memorandum on Hawkers' Problems in the State to the President of Majlis Perbandaran Pulau Pinang with copies to the Chief Minister and the Prime Minister on 2nd June, 1983. If so, state what are the measures and action taken in response to the said memorandum?)*

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, dialog telah diadakan di antara Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan wakil-wakil Persatuan Penjaja Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu berdasarkan kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Memorandum Persatuan-persatuan seperti yang tersebut yang bertarikh 2hb. Jun, 1983 dan dalam pada itu banyak perkara yang telah ditimbulkan di antara kedua-dua belah pihak dan telah dipersetujui untuk menyelesaikan beberapa hal yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 12:-

12. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar satu jawatankuasa yang terdiri dari tujuh orang yang diketuai oleh ahli M.M.K. yang bertanggungjawab ke atas Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan baru-baru ini untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah penjaja-penjaja di Rifle Range? Jika ya, adakah Y.A.B. Ketua Menteri bercadang untuk mengarahkan jawatankuasa tersebut supaya memperluaskan kajian mereka ke atas masalah penjaja seluruh Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk mendapatkan satu penyelesaian jangka panjang terhadap masalah penjaja-penjaja yang telah begitu lama di Negeri ini.

- (12. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that a seven-member committee headed by the Exco member in charge of Local Government has been set up recently to study and solve the hawkers' problem at Rifle Range? If so, will the Hon'ble the Chief Minister consider directing this committee to extend its studies of the hawkers' problem to cover the whole State of Penang with a view to finding a long-term and clear-cut solution to the long-standing hawkers' problem in the State?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang sentiasa mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja di Negeri ini. Sebuah Jawatankuasa Ad Hoc yang dipengerusikan oleh salah seorang Ahli Exco telahpun wujud untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja di Rifle Range dan bidang khusus jawatankuasa ini terhad kepada Rifle Range semata-mata.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 13:-

13. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mengambil balik Pulau Jerejak dari Kerajaan Pusat yang menggunakan pulau itu sebagai kem tahanan? Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan?

- (b) Apakah rancangan-ancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Jerejak? Sila berikan butir-butir mengenainya.

- (13. (a) *Has the State Government any plans to take back Pulau Jerejak from the Federal Government which is using it as a detention camp? If yes, when is this expected to take place?*

- (b) *What plans has the State Government for the development of Pulau Jerejak? Give details.*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mengambil balik Pulau Jerejak dari Kerajaan Pusat. Tetapi oleh kerana tidak ada tempat yang sesuai lagi untuk ditempatkan kem tahanan, maka Kerajaan Negeri tidak dapat mengambil balik pulau ini buat sementara waktu.

Jawapan saya kepada bahagian kedua dalam soalan ialah Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian mengenai bagaimanakah cara yang baik sekali untuk membangunkan pulau ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 14:-

14. (a) Mengapakah Kerajaan Negeri hanya memilih untuk membeli 4 tingkat rumah pangsa di Kaherah untuk menempatkan pelajar-pelajar yang sedang belajar di sana dan tidak di negara-negara lain di mana kita juga mempunyai pelajar-pelajar dari Pulau Pinang yang sedang belajar?

- (b) Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk perbelanjaan menjaga 4 tingkat rumah pangsa tersebut pada setiap tahun?

- (c) Adakah pelajar tersebut dikenakan bayaran untuk menduduki rumah pangsa tersebut? Jika ya, beri butir-butir mengenainya.

- (c) Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh rombongan yang diketuai oleh Pengerusi, Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Kebajikan ke Kaherah untuk me-

rasmikan rumah pangsa 4 tingkat tersebut?

(14. (a) *Why did the State Government choose to purchase the four-storey flats in Cairo to accommodate its students studying there and not in other countries where we also have Penang students studying?*

(b) *What is the amount needed to maintain this four-storey flats annually?*

(c) *Will the students be asked to pay for the accommodation? If yes, give details.*

(d) *What is the total amount of money incurred by the delegation headed by the State Religious Affairs Chairman to Cairo to declare open the four-storey flats?)*

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):

Tuan Speaker, memanglah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membeli sebuah bangunan empat tingkat di Kaherah untuk dijadikan asrama untuk pelajar-pelajar kita di Mesir. Kerajaan Negeri telah membeli bangunan ini untuk dijadikan asrama untuk menyelesaikan masalah kediaman yang menjadi masalah yang besar bagi penuntut-penuntut kita yang sedang belajar di Kaherah. Dasar ini juga adalah selaras dengan amalan di negeri-negeri lain yang telahpun mempunyai asrama-asrama untuk menempatkan penuntut-penuntut masing-masing seperti Perlis, Kedah, Trengganu, Perak, Johor dan lain-lain lagi.

Mengenai bahagian (b), peruntukan yang dijangka ialah dianggarkan lebih kurang £6,000 setahun untuk dijadikan perbelanjaan asrama (lebih kurang \$18,000.00 setahun).

Mengenai bahagian (c), jawapannya ialah ya, pelajar-pelajar yang menduduki di asrama ini memang dikenakan bayaran. Pelajar-pelajar yang tidak mendapat biasiswa atau dermasiswa dari mana-mana pihak dikenakan yuran sebanyak £3 Mesir sebulan. Pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa dari mana-mana pihak dikenakan bayaran sebanyak £5 sebulan (M\$150.00). Bagi pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Kementerian Pelajaran Malaysia dikenakan sebanyak \$8.00 sebulan.

Begitulah keterangan mengenai bayaran yang dikenakan kepada penuntut-penuntut kita yang duduk di asrama tersebut.

Bagi bahagian (d) pula, jumlah yang telah dibelanjakan oleh rombongan yang pergi untuk merasmikan asrama itu belum dapat diketahui lagi oleh sebab beberapa bil belum dihantar oleh pihak kedutaan kita di Mesir. Walau bagaimanapun, anggarannya tidak melebihi \$40,000.00.

Tuan Speaker, manakala membuat lawatan ataupun kunjungan atau merasmikan asrama ini, rombongan ini telah memberi peluang kepada penuntut-penuntut daripada Negeri Pulau Pinang untuk bertemu muka dengan pemimpin-pemimpin di Negeri kita ini dan membolehkan pemimpin-pemimpin negeri kita mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut kita di sana. Selain daripada itu, Tuan Speaker, pembukaan rasmi ini juga merupakan satu tradisi bagi negeri-negeri yang mempunyai asrama penuntut-penuntut di Kaherah dan juga atas permintaan pihak Kedutaan Malaysia di Mesir dan juga Persatuan Kebajikan pelajar-pelajar Pulau Pinang di Mesir. Bagi kebanyakan asrama-asrama bagi negeri-negeri di dalam Malaysia yang terdapat di Kaherah pembukaan rasmi dilakukan oleh Raja ataupun Sultan masing-masing, tetapi bagi Negeri Pulau Pinang ianya dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri sebagai mewakili T.Y.T. Yang diPertua Negeri bagi melakukan upacara perasmian asrama tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membeli hostel atau asrama di lain-lain negeri untuk penuntut-penuntut kita?

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):

Tuan Speaker, masalah tempat tinggal bagi penuntut-penuntut kita di negara-negara lain tidak menjadi masalah yang begitu serious seperti yang terdapat di Kaherah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 15:

15. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil

oleh Kerajaan Negeri untuk menyiasat tanah runtuh di sepanjang Jalan Tun Sardon (Jalan Paya Terubong dan Jalan Balik Pulau) yang boleh membahayakan pengguna-pengguna jalanraya?

- (15. *Can the Hon'ble the Chief Minister inform the House what steps has the State Government taken or will be taking to check the frequent landslides along Jalan Tun Sardon (Paya Terubong/Balik Pulau Road) which pose a serious danger to users of the road?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedar tentang kejadian tanah runtuh di sepanjang Jalan Tun Sardon dan sentiasa berusaha mengawal dan menjalankan penyelenggaraan dari semasa ke semasa.

Di tempat-tempat yang berkemungkinan akan runtuh, tembok penahan (*gabion wall*) telah pun didirikan untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalanraya itu.

Parit-parit di tepi jalan sentiasa dibersihkan dan bahagian yang pecah telah diperbaiki sebagai langkah-langkah mencegah berlakunya hakisan.

Tanah-tanah yang telah runtuh di tepi jalan dan di belakang tembok pertahanan akan diambil keluar dan tembok penahan akan diperbaiki.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 16:-

16. Memandangkan kepada rancangan Kerajaan Pusat untuk menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam Pentadbiran dan sosio ekonomi negara ini;
- (a) apakah nilai Islam yang telah diperkenalkan ke dalam pentadbiran Negeri ini; dan
 - (b) setakat manakah Kerajaan Negeri akan mengikut polisi Islamisasi Kerajaan Pusat tersebut?

- (16. *In view of the persistent plan by the Federal Government to inject Islamic values into the social, economic and administration of the country,*

(a) *what are the Islamic values the State Government has so far introduced into the administration; and*

(b) *the extent to which the Government will follow the Islamisation policy of the Federal Government?*)

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):

Tuan Speaker, mengenai rancangan Kerajaan Pusat untuk menerapkan nilai-nilai pentadbiran Islam ke dalam pentadbiran dan sosio-ekonomi negeri ini, setakat ini Kerajaan Negeri adalah mematuhi atas dasar-dasar Kerajaan Persekutuan berlandaskan Perlembagaan Negara.

Bahagian bahagian (b), adakah Kerajaan Negeri akan mengikut polisi Islamisasi Kerajaan Pusat tersebut, jawapannya ialah Kerajaan Pusat belum berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 17:-

17. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Jalan Bukit Bendera? Jika ya,

- (a) bilakah kerja-kerja pembinaan jalan itu akan dimulakan;
- (b) bilakah ianya dijangkakan siap; dan
- (c) jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk pembinaan jalan tersebut?

- (17. *Does the State Government intend to build the Penang Hill Road? If so,*

- (a) *when will construction of the road begin;*
- (b) *what is the expected date of completion; and*
- (c) *the cost involved in the construction of the roads?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telahpun melantik Jurutera Perunding untuk mengadakan kajian kemungkinan. Setakat ini tidak ada keputu-

san yang diambil oleh Kerajaan Negeri atas projek ini.

IV) Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan pertama:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, berapakah peruntukan bagi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1984 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini?

(1. *What is the financial allocation for Penang for 1984 approved at the recent sitting of Parliament?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri belum lagi menerima sebarang maklumat secara rasmi mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kedua:-

2. Bilakah jalan-jalan luar bandar di kawasan Dewan Undangan Negeri Tasek Gelugor akan ditarkan?

(2. *When will the rural roads in the State Constituency of Tasek Gelugor be tarred?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, cadangan untuk menaikkan taraf sehingga muka tar jalan-jalan luar bandar di kawasan Tasek Gelugor telahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan juga dalam Kajian Semula Pertengahan Rancangan Malaysia Keempat. Bagaimanapun kelulusannya belum lagi diperolehi daripada Pihak Kerajaan Persekutuan. Apabila kelulusan dan peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Pusat, jalan-jalan luar bandar tersebut akan ditarkan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ketiga:-

3. Terdapat masih banyak lagi jalanraya-

jalanraya di Seberang Perai Utara dan seluruh Negeri Pulau Pinang yang mengekalkan nama-nama yang berbau penjajah. Apakah usaha-usaha yang dijalankan sekarang untuk menukar nama-nama jalan itu?

(3. *There are still many roads in Penang bearing colonial names. Are efforts being made to replace these road-names?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, penamaan jalan-jalan sentiasa di bawah kajian semula dan di mana keadaan memerlukan penukaran nama, maka jalan-jalan tersebut akan ditukar namanya kepada nama-nama yang lebih sesuai. Jawatankuasa Penamaan Jalan-jalan Negeri dengan bantuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang menyiasat dan mengkaji nama-nama jalan yang didapati kurang sesuai dan menukarkannya kepada nama-nama baru dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan keempat:

4. Bilakah Kerajaan Negeri akan mengadakan cokmar Dewan bagi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang?

(4. *When will the State Government have a mace for the State Assembly?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, buat pada masa ini belum ada cadangan lagi untuk mengadakan Cokmar Dewan bagi Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kelima (a), (b) dan (c):

5. (a) Apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh Bahagian Perumahan Negeri bagi menentukan pemohon-pemohon mendapatkan peruntukan rumah? Adakah syarat-syarat berikut dipertimbangkan:-

(i) jumlah pendapatan bagi sebulan; dan

(ii) bilangan keluarga?

- (b) Berapakah bayaran pendahuluan dan bayaran bulanan?
- (c) Berapakah harga seunit rumah kos rendah khususnya di Kampong Besar/Kampong Selamat dan berapa lama tempoh bayaran patut diselesaikan?

(5. (a) *What are the conditions required by the Housing Division for low-cost housing applicants? Are the following considered:-*

- (i) *monthly income;*
- (ii) *number of family members.*

(b) *How much is the initial payment and the monthly instalments?*

(c) *What is the price per unit of low-cost housing particularly in Kampong Besar/Kampong Selamat and what is the payment period?)*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, kelayakan pemohon untuk mendapatkan sebuah rumah awam kos rendah Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Pendapatan perseorangan dan keluarga tidak melebihi dari \$600.00 dan \$800.00 sebulan.
- (ii) Pemohon telah berkahwin dan berumur 21 tahun ke atas.
- (iii) Pemohon adalah rakyat Malaysia.
- (iv) Pemohon atau isteri tidak memiliki tanah atau rumah di mana-mana.
- (v) Pemohon tidak pernah dibatalkan pendaftarannya kerana memberi maklumat-maklumat palsu ataupun telah ditarik balik peruntukan rumah kepadanya kerana melanggar syarat-syarat peruntukan.

Bilangan keluarga ditimbang untuk pemberian markah dan tidak ada apa-apa syarat berkenaan.

Pembayaran pendahuluan untuk memasuki rumah-rumah awam kos rendah Kerajaan ialah sebanyak 3 bulan ansuran serta deposit bekalan api dan air.

Bayaran bulanan adalah bergantung kepada harga seunit rumah yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi rumah kos rendah di Kampong Besar dan Kampong Selamat Kerajaan Negeri belum lagi dapat menentukan harga rumah-rumah tersebut kerana projeknya masih belum disiapkan..

Tempoh bayaran bagi rumah-rumah awam Kerajaan Negeri yang sedang diamalkan sekarang ini ialah 25 tahun.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan bagi bahagian (c): Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit tempoh masa yang rumah atau peruntukan bagi Kampong Selamat dan Kampong Besar akan dibahagikan?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, mungkin pada awal tahun hadapan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan keenam:-

- 6. Bilakah projek pasar di Pekan Tasek Gelugor akan dimulakan dan mengapa projek pembinaannya dilambatkan?

(6. *When will the market project in Pekan Tasek Gelugor be started and what is the cause of the delay?)*

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Pembinaan pasar awam di Tasek Gelugor tidak dapat dilaksanakan oleh kerana peruntukan yang diluluskan hanya \$41,000.00 sahaja sedangkan mengikut permohonan asal, peruntukan yang diperlukan ialah \$250,000.00. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang gigih sedang dilakukan untuk membolehkan kita mendapat semula peruntukan tersebut dan akan dibina dalam tahun-tahun yang akan datang.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Peruntukan yang telah diperolehi ialah \$41,000.00 dan anggaran ialah \$250,000.00. Fasa yang sedia ada telah dirobuhkan. Jadi bagaimana keadaan yang sebenarnya?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Masih terpaksa kita tunggu sehingga peruntu-

kan sepenuhnya didapati.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Soalan tambahan: Apakah usaha-usaha untuk mendapatkan tapak ganti bagi menentukan fasa ini boleh berjalan di tempat yang telah dirobuhkan itu?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Usaha-usaha yang sangat gigih sedang dilakukan dan insyaallah akan dapat diselesaikan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:-

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa ramai kakitangan Kerajaan Negeri yang menjalankan tugas harian mereka di Bangunan KOMTAR tersangat bimbang atas keselamatan mereka?

- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri menjamin keselamatan semua pihak jika berlaku gempa bumi?
- (b) Adakah semua kakitangan Kerajaan Negeri ini diinsurankan atas keselamatan mereka?

(7. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that many civil servants working in KOMTAR are worried about their safety?*

- (a) *Can the State Government guarantee the safety of all the workers in the event of an earth quake?*
- (b) *Are all State Government employees insured for their safety?*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sesungguhnya Kerajaan Negeri tidak sedar bahawa ramai kakitangan Kerajaan Negeri sangat bimbang atas keselamatan mereka, tetapi Kerajaan Negeri memang sedar tentang perlunya mengadakan langkah-langkah keselamatan untuk harta dan nyawa dalam bangunan tinggi. Oleh itu, satu Jawatankuasa tetap keselamatan telah ditubuhkan untuk mengkaji bagaimana hendak mengawal keselamatan jika berlaku sesuatu kecemasan seperti kebakaran, gempa bumi dan lain-lain. Jawatankuasa ini di bawah Pengerusi

Setiausaha Kerajaan Negeri telah ditugaskan mengeluarkan satu aturcara mengenai apa-apa yang harus dibuat jika berlaku kecemasan. Dengan latihan yang akan diberi kepada semua kakitangan dari masa ke semasa dan daripada disiplin kakitangan yang ditunjukkan, adalah diharap keadaan keselamatan akan terkawal jika berlaku kecemasan.

Jawapan saya kepada bahagian (b) ialah tidak.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kelapan:-

8. Berapa luaskah tanah rang yang telah dipulihkan setakat ini? Berikan nama agensi-agensi yang terlibat dalam pemulihannya:-

- (a) Agensi-agensi Kerajaan;
- (b) Agensi-agensi yang disokong oleh Kerajaan;
- (c) Badan-badan swasta;

berikan keluasan tanah yang dipulihkan masing-masing.

- (8. *What is the acreage of idle land rehabilitated so far? Name the agencies involved in the rehabilitation operation:*

- (a) *Government agencies.*
- (b) *Government-supported agencies.*
- (c) *Private organisations.*
- (d) *Individuals.*

State the acreage of land rehabilitated by each of the above.)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, sehingga ini Kerajaan telah memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar seluas kira-kira 5,380.88 hek. ataupun seluas 13,296 ekar. Kemudahan ini bukan sahaja dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan tetapi juga diusahakan oleh Badan-badan Swasta dan orang-orang perseorangan.

Badan-badan yang melaksanakan rancangan pemulihan adalah seperti berikut:-

- (a) Jabatan Pertanian 607.05 hek.
- (b) Pertubuhan Peladang Kawasan, Lahar Bubu,

- Seberang Perai Utara
(Agensi Kerajaan) — 530.88 hek.
- (c) Pertubuhan Peladang
Kawasan Penaga, Seberang
Perai Utara (Agensi
Kerajaan) — 428.69 hek.
- (d) Pertubuhan Peladang
Kawasan, Kampung Pelet,
Seberang Perai Tengah
(Agensi Kerajaan) — 999.2 hek.
- (e) Pertubuhan Peladang
Kawasan Bukit Mertajam
Seberang Perai Tengah
(Agensi Kerajaan) — 1,938.59 hek.
- (f) Pertubuhan Peladang
Kawasan, Sungai Acheh,
Seberang Perai Selatan. — 28.32 hek.
- (g) Koperasi Gabungan Negeri
(Badan Swasta) — 647.5 hek.
- (h) Gabungan Maju (Badan
Swasta) — 70.25 hek.
- (i) Jentanian Sdn. Bhd.
(Badan Swasta) — 130.4 hek.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan (d) belum dijawab.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, keluasan yang telah dibuat oleh orang-orang perseorangan, dengan izin Tuan Speaker, akan dikemukakan kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan kesembilan:-

9. Berapa banyakkah tunggakan cukai tanah yang telah diperolehi dari pembayar-pembayar cukai yang terhutang setakat ini? Apakah langkah-langkah perlu yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap mereka yang engkar membayar tunggakan cukai tanah itu?
- (9. *How much of the quit rent arrears have been collected so far? What are the steps the Government will take against those landowners unwilling to settle their quit rent arrears?*)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, sehingga 30hb. Oktober, 1983 tunggakan hasil yang diperolehi bagi tahun ini ialah \$959,539.00. Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengeluarkan Notis 6A di bawah Seksyen 97, Kanun Tanah Negara, bagi yang berhutang lebih dari \$10,000.00. Tanah-tanah berkenaan akan diisytiharkan sebagai hak Kerajaan di bawah Seksyen 100 jika tidak dibayar dalam tempoh tiga bulan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Dalam tempoh awal tahun 1983 yang lalu Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Dalam telah mengeluarkan satu kenyataan dalam akhbar dengan mengatakan jika tuan-tuan punya tanah engkar membayar cukai tanah sesudah beberapa kali diberi amaran, Kerajaan Negeri akan merampas tanah tersebut. Saya ingin tahu setakat ini adakah Kerajaan Negeri telah bertindak seperti yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Dalam?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan pada mesyuaratnya bertarikh 27hb. Oktober, 1983 telah memberi kelulusan untuk merampas tanah yang ada tunggakan cukai tanah sebanyak \$10,000.00 ke atas.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan kesepuluh:-

10. Adakah sekarang ini Kerajaan mempunyai cukup kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas mereka bagi membangun dan melicinkan pentadbiran di Negeri ini? Jika belum lagi mencukupi, apakah langkah yang perlu diambil segera?
- (10. *Is the number of Government staff in the State sufficient for development and smooth administration of the State? If not, what steps will be needed to be taken quickly?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, bilangan kakitangan Kerajaan Negeri ini masih kurang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas bagi membangun dan melicinkan pentadbiran Negeri ini. Walau bagaimanapun,

pun, Kerajaan pada masa ini cuba memaksimumkan produktiviti dan kecekapan para kakitangan bagi memberi perkhidmatan yang tinggi kepada rakyat. Sesuai dengan keadaan ini, maka strategi yang digunakan untuk mengemas dan menyelaraskan pentadbiran ini ialah dengan meningkatkan keupayaan dan produktiviti daripada tiap-tiap pekerja supaya dengan jumlah kakitangan yang ada dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan lagi kepada Negeri ini. Strategi-strategi ini termasuklah:-

- (i) Kempen Kepimpinan Melalui Tauladan;
- (ii) Penyediaan Fail Meja dan Prosedur-prosedur Kerja

yang telah dilancarkan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

Di peringkat Negeri Pulau Pinang pula, perpindahan ke pejabat baru di KOMTAR, kemudahan-kemudahan disediakan untuk melicinkan pentadbiran serta menyelaraskan semua agensi-agensi Kerajaan di dalam satu bangunan dengan mengujudkan "Perkhidmatan Counter" dan "Pusat Bayaran Setempat" kepada orangramai.

Walaupun jawatan-jawatan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang tidak bertambah, Kerajaan telah mengwujudkan badan-badan baru seperti PERDA, UDA, Unit Penyertaan dan Penyelarasan Bumiputra dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan membangunkan Negeri ini.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke sebelas:-

11. Apakah usaha-usaha seterusnya yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dengan bandar kembar Medan, Indonesia? Nyatakan faedah yang diperolehi oleh kedua-dua pihak?

(11. *What follow-up efforts can be taken by the State Government with twin-city Medan, Indonesia. State the benefits that can accrue to both parties.*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telahpun menandatangani "Surat Pernyataan Kehendak" (*Letter of Intention*) pada 25hb.

Oktober, 1983 dengan Bandaraya Medan, Sumatra Utara, bagi maksud mengadakan hubungan Bandaraya berkembar.

Kedua-dua pihak telah merangka satu "*Plan of Operation*" dan telah mengenalpastikan bidang-bidang kerjasama yangmana termasuklah Pengurusan Kerajaan Tempatan Perancangan/Pembangunan Bandar/Kejuruteraan, Pelancongan, Perdagangan, Kebudayaan/Belia/Sukan, Kaji Tumbuhan dan berbagai-bagai lagi dan setengahnya akan dilaksanakan melalui pertukaran maklumat dan personel dan berbagai-bagai lagi selain lawatan-lawatan yang dibuat secara timbal-balik dan sebagainya. Ini adalah dibuat dengan tujuan untuk mendapat faedah bagi kedua-dua belah pihak.

Hubungan bandaraya berkembar Pulau Pinang dan Medan ini merupakan satu perkara yang telah lama ujud dalam sejarah antara Sumatra Utara dengan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah perkhidmatan feri akan dijalankan dalam peringkat bandar berkembar ini?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, perkhidmatan feri termasuk di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dan diusahakan supaya ujud di antara Pulau Pinang dan Medan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 12:-

12. Apakah projek-projek terbesar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 1983 dan juga projek-projek besar bagi tahun 1984? Sila beri butir-butir berikut ini:-

- (a) Nama projek terbesar tahun 1983 dan jumlah peruntukannya.
- (b) Lokasi projek itu dijalankan.
- (c) Nama projek terbesar tahun 1984 dan jumlah peruntukannya.
- (d) Lokasi projek-projek itu akan dilaksanakan.

(12. *What are the biggest projects undertaken by the State Government in*

1983 and the biggest projects in 1984? Please give details according to the following:-

- (a) *Name of the biggest project in 1983 and total allocation.*
- (b) *Location of the projects.*
- (c) *Name of the biggest project for 1984 and total allocation.*
- (d) *Location of the project.*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jawapan saya kepada bahagian (a) ialah projek terbesar tahun 1983 adalah projek rumah awam kos rendah dan jumlah peruntukannya adalah \$45 juta.

Jawapan saya kepada bahagian (b) ialah projek rumah awam kos rendah sedang dilaksanakan di:-

Paya Terubong
Teluk Bahang
Permatang Damar Laut
Jalan Mohd. Saad
Kampung Besar, Tasek Gelugor
Kampung Selamat, Tasek Glugor
Mak Mandin, Fasa I
Rumah Hijau Mak Mandin
Nibong Tebal
Jawi, Peringkat III
Seberang Jaya.

Jawapan saya kepada bahagian (c) ialah projek terbesar tahun 1984 adalah juga projek rumah awam kos rendah dan jumlah peruntukannya adalah \$14 juta.

Jawapan saya kepada bahagian (d) ialah projek ini akan dilaksanakan di tempat-tempat seperti yang tersebut di (b) iaitu projek di tempat-tempat ini akan disiapkan pada tahun depan (1984).

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 13:-

13. Bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tandas curah adalah kedatangan munafaat kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut. Adakah rancangan subsidi tandas curah ini akan diteruskan dengan menambah lagi pemberian itu kepada kawasan-kawasan yang terlibat?

(13. The pour-flush latrines benefit people in the rural areas. Will this subsidy programme in the rural areas be extended?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, rancangan ini memang merupakan rancangan yang sangat berfaedah dan memberi banyak munafaat dan oleh kerana itu akan diteruskan dan akan diperuntukkan dengan peruntukan yang secukupnya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Mengapakah rancangan subsidi tandas curah ini hanya diberikan kepada kawasan luarbandar sahaja? Adakah pihak Kerajaan berkenaan sedar bahawa bandar seperti perkampungan dalam bandar tidak mempunyai sistem tandas yang sempurna dan memerlukan juga satu sistem tandas curah dan bolehkah pihak berkenaan ini memberi sistem tandas curah atau meluaskan rancangan sistem tandas curah ini kepada kawasan-kawasan dalam bandar yang memerlukan satu sistem tandas yang sempurna?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, akan dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 14:-

14. Kerajaan Negeri akan mengadakan satu pusat pembiakan binatang seperti kerbau, lembu dan kambing untuk membekalkan daging bagi keperluan rakyat kita? Jika ya, nyatakan di mana?

(14. Will the State Government set up a centre for the rearing of buffaloes, cattle and goats for the supply of meat to meet the needs of the people? If so, where?)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak akan mengadakan satu pusat pembiakan binatang untuk Negeri Pulau Pinang bagi tujuan membekalkan daging. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan di Kuala Lumpur, kita telah mengujudkan Rancangan Pedaging Berkelompok (*Target Area Concentration*)

bagi tujuan makanan daging. Dalam projek ini setiap peserta adalah dipawahkan dengan 2 hingga 3 ekor lembu daging supaya melalui pembiakan dapat menghasilkan lembu-lembu bagi tujuan makanan daging. Projek ini telah diperkenalkan di dua daerah iaitu di Daerah Seberang Perai Selatan dan satu lagi di Daerah Barat Daya Pulau Pinang.

Juga dengan kerjasama Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan Kuala Lumpur kita telah memperkenalkan Rancangan Penggemukan Lembu dengan hampas kelapa sawit (*palm kernel cake*). Rancangan ini telah dijalankan pada tahun 1983 di Pejabat Haiwan Daerah Seberang Perai Utara oleh sebuah syarikat swasta bernama Lazuli Sdn. Bhd. yang mana 100 ekor anak lembu jantan berumur di antara 6 bulan hingga setahun dipelihara dengan hanya memakan hampas kelapa sawit sahaja. Projek ini telah memakan masa selama 5 bulan dan lembu-lembu telah membesar dengan memuaskan dan telah pun dijual.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.55 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.29 pagi.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan di atas soalan 14. Tadi Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Dua telah memberi jawapan bahawa ada rancangan untuk menggemukkan lembu kurus dan juga binatang-binatang yang lain. Saya ingin membuat soalan tambahan untuk mendapat jawapan seterusnya. Apakah cara tiap-tiap binatang ternakan digemukkan untuk tujuan mendapat daging bagi makanan manusia? Bagaimanakah cara untuk menggemukkan lembu-lembu yang kurus?

Kedua, saya ingin juga mendapat jawapan adakah rancangan untuk mengahwinkan lembu dan kambing atau lembu dengan kerbau untuk menambahkan hasil daging kepada manusia?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, ini soalan lain, tapi tidak apa.

Bagi menggemukkan binatang ternakan kita

perlu memberi makan yang cukup dan makan yang baik yang mempunyai zat dan oleh kerana kita tidak mempunyai kawasan *grazing* — dengan izin — yang mencukupi, kita telah memperkenalkan rancangan menggemukkan anak-anak lembu jantan dengan memberi makanan hampas kelapa sawit atau dalam bahasa Inggeris, projek "*palm kernel cake*".

Bagi soalan mengahwinkan lembu dengan kerbau, tidak ada rancangan seumpama itu, begitu juga tidak boleh dikahwinkan kambing dengan lembu. Tapi kalau kahwin di antara orang Cina dengan Melayu dan Melayu dengan India memang boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Adakah pihak yang berkenaan sedar bahawa dalam rancangan *pilot project* yang telah dilakukan di Pejabat Haiwan, Seberang Perai Utara, telah menimbulkan masalah yangmana lembu yang diberikan makanan *palm kernel cake* — dengan izin — telah mengakibatkan masalah bau yang keluar dari lembu selepas memakan *palm kernel cake*. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah bau itu?

Tuan Speaker:

Saya ingat itu soalan lain.

(V) Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan pertama:-

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bekalan air bagi kawasan Nibong Tebal telah beberapa kali terputus sejak bulan Ogos, 1983, tanpa memberi notis terlebih dahulu? Jika ya, apakah sebabnya Pihak Berkuasa Air berbuat demikian kerana tindakan demikian jelas akan menyusahkan rakyat, terutamanya suri-suri rumah?

- (1. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the supply of water in Nibong Tebal has been interrupted many times since August, 1983 without prior notice? If so, what is the reason for the present interruptions which create difficulties to the people, especially the housewives?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, punca kekerapan gangguan bekalan air yang berlaku di Nibong Tebal adalah disebabkan oleh paip pecah. Dalam bulan Ogos 1983 sahaja, misalnya, terdapat kira-kira 50 kejadian paip pecah di Seberang Perai Selatan. Kebanyakan dari paip pecah ini disebabkan oleh paip-paip air yang terlampau lama dan yang lainnya telah dirosakkan dengan tidak sengaja oleh kontraktor-kontraktor dan sebagainya. Memandangkan kejadian-kejadian ini berlaku secara mendadak maka tidaklah dapat kita memberi amaran yang lebih awal. Untuk mengatasi masalah-masalah paip-paip lama ini satu perancangan telah dibuat untuk menggantikan semula paip-paip yang telah lama itu. Oleh sebab projek ini adalah besar ianya hanya boleh disiapkan dalam beberapa tahun sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah kebocoran paip menjadi satu-satu sebab air terputus dan adakah masih Pihak Berkuasa Air menanam paip baru tanpa memberi notis?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penanaman paip baru akan diberi notis. Yang tidak diberi notis ialah paip yang pecah secara tidak sengaja oleh kontraktor atau paip itu telah lama dan bukan dirancang. Kalau dirancang akan diberi notis terlebih awal.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan kedua:-

2. Adakah beliau sedar berikutan dengan soalan yang saya kemukakan tempoh hari, Kerajaan Negeri telah berjanji dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada akhir tahun 1982 akan mempertingkatkan tekanan air bagi kawasan Seberang Perai Selatan, terutamanya kawasan-kawasan Sungai Bakap, Nibong Tebal, Sungai Acheh dan Sungai Udang? Jika ya, adakah beliau sedar bahawa janjinya itu tidak ditepati oleh Pihak Berkuasa Air di sepanjang tahun 1983? Adakah Kerajaan Negeri akan menyiasat ke atas pegawai PBA yang tidak menjalankan arahan dan adakah tindakan disiplin

yang wajar akan diambil terhadap pegawai yang berkenaan itu?

- (2. *Is he aware that arising out of my question, the State Government had given an undertaking in the State Assembly meeting at the end of 1982, to increase the water pressure for Province Wellesley South, especially in the Sungai Bakap, Nibong Tebal, Sungai Acheh and Sungai Udang areas? If so, is he aware that undertaking has not been acted upon for the whole of 1983? Will the State Government cause an investigation to be made against the PBA officer concerned who had not followed orders and will proper disciplinary action be taken against him?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, dalam tahun 1982, keadaan bekalan air di Nibong Tebal telah menjadi agak buruk disebabkan oleh kehilangan sebuah kawasan tadahan yang terletak di luar Negeri Pulau Pinang disebabkan oleh adanya pertukaran jenis kegunaan tanah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan air dengan mengempam dari sebuah kawasan baru di dalam Negeri Pulau Pinang. Langkah ini telah berjaya mengatasi masalah itu secara besar-besaran.

Untuk menambahkan lagi tekanan air di Seberang Perai Selatan, Pihak Berkuasa Air telah pun membuat keputusan untuk menambah satu talianpaip yang berukuran 610 mm (24 inci) ke Selatan secara berperingkat-peringkat. Pelaksanaan projek ini telah tergendala disebabkan masalah kewangan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja ke atas projek ini akan bermula atau akan diteruskan lagi pada penghujung tahun ini apabila peruntukan kewangan dapat diselesaikan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan ketiga:-

3. Adakah beliau sedar tekanan air bagi kawasan-kawasan Nibong Tebal, Sungai Acheh dan Sungai Udang masih rendah dan tidak memuaskan yang mana menimbulkan kesusahan kepada penduduk di kawasan itu? Bagaimanakah tekanan air di Bandaraya Gerogetown?

Adakah tekanan air di kawasan Nibong Tebal/Sungai Udang akan dipertingkatkan sehingga menyamai tekanan air yang terdapat di Bandaraya Georgetown? Jika tidak, mengapa?

- (3. *Is he aware that the water pressure in the Nibong Tebal, Sungai Acheh and Sungai Udang areas is still low and unsatisfactory and that this causes difficulties to the people living in those areas? What is the water pressure in Georgetown? Will the water pressure in Nibong Tebal/Sungai Udang be increased so that it is on par with that in Georgetown? If not, why not?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, hasil pengeluaran Loji Pembersihan Air di Bukit Pancur di Seberang Perai Selatan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam kawasan tersebut. Bekalan tambahan dan Loji-loji Pembersihan Sungai Dua dan Bukit Toh Allang terpaksa disalurkan melalui talianpaip yang panjang ke kawasan Selatan.

Apabila air disalurkan melalui talianpaip yang panjang, tekanan air pada permulaan talianpaip mestilah lebih tinggi dari tekanan pada bahagian penghujungnya. Inilah sebabnya mengapa kawasan-kawasan berhampiran dengan punca-punca bekalan menikmati tekanan yang lebih baik dan kawasan yang jauh kurang baik tekanannya.

Keadaan tekanan air di Nibong Tebal telah menjadi buruk disebabkan oleh kehilangan sebuah kawasan tadahan. Selain dari itu Pihak Berkuasa Air sedang merancang untuk melanjutkan satu talianpaip tambahan yang berukuran 24 inci dari Bukit Mertajam ke Selatan. Peruntukan wang untuk talianpaip ini telahpun disediakan dalam rancangan suku tahun keempat 1983. Sambungan talianpaip dijangka akan dijalankan berperingkat-peringkat dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah sistem *booster pump* akan dipasangkan di Pekan Nibong Tebal?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Sistem ini merupakan salah satu alternatif

yang akan menolong dalam usaha Pihak Berkuasa Air dan akan dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan keempat:-

4. *Adakah benar bayaran ansuran bulanan bagi rumah-rumah kos rendah di sekim perumahan Sungai Jawi telah dikurangkan buat beberapa bulan kebelakangan ini? Jika ya, adakah tindakan pengurangan bayaran ansuran itu juga akan dilaksanakan di sekim-sekim perumahan Bukit Pancur dan Nibong Tebal, dan bilakah ia akan dikuatkuasakan?*

- (4. *Is it true that the monthly instalment payment for the low-cost housing scheme in Sungai Jawi has been reduced a few months ago? If so, will similar instalment payments in respect of the other low-cost housing schemes in Bukit Pancur Nibong Tebal be also reduced? If so, when?*)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, perkara pengurangan bayaran ansuran bulanan bagi rumah-rumah awam kos rendah di Sungai Jawi adalah tidak benar. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengurangkan bayaran ansuran bagi rumah-rumah di sekim perumahan Bukit Panchor dan Nibong Tebal.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan kelima:-

5. *Nyatakan bilangan rumah kos rendah yang masih belum diperuntukkan di rancangan perumahan Kampong Valdor, Sungai Jawi dan Bukit Panchor? Apakah sebab-sebab utama rumah-rumah itu dibiarkan kosong dan adakah keadaan ini akan menguntungkan Kerajaan?*

- (5. *State the number of low-cost housing units not yet allocated in the housing schemes in Kampong Valdor, Sungai Jawi and Bukit Panchor? Why are the units not allocated and does this benefit the Government?*)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, bilangan rumah-rumah awam

kos rendah yang masih kosong di sekim perumahan Kampong Valdor, Sungai Jawi dan Bukit Panchor ialah 45 unit. Sebab kekosongan ini adalah kerana Kerajaan terpaksa memperseimbangkan peruntukan rumah-rumah ini supaya selaras dengan kuota peruntukan kaum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Keadaan ini tidaklah sangat-sangat merugikan Kerajaan kerana harga rumah tersebut tetap akan dikutip semula dari penghuni-penghuni yang akan menduduki rumah-rumah ini. Di samping itu, nama-nama calon untuk menghuni rumah-rumah ini telah pun ditapis dan keputusannya akan dibuat dalam sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan keenam:-

6. Sejak pembukaan KOMTAR, berapa banyakkah kes-kes rompakan di tempat letak kereta dan dalam lif di situ yang telah dilaporkan kepada pihak polis dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mencegah jenayah itu?

- (6. *Since the opening of KOMTAR, how many cases of robbery and snatch thefts in the car park and in the lifts in KOMTAR have been reported to the police and what effective steps will be taken to prevent these crimes?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sejak pembukaan KOMTAR pada tahun 1976, terdapat 22 kes kejadian kecurian dan 4 kes rompakan di dalam tempat letak kereta KOMTAR. Semua kejadian-kejadian ini melainkan satu sahaja (di mana mangsa tidak membuat laporan polis) telah dilaporkan kepada pihak polis. Tidak ada kejadian kecurian atau rompakan di dalam lif.

Dari segi keselamatan pula, pejabat pengurusan KOMTAR telah mengambil pengawal-pengawal keselamatan untuk meronda sekitar kawasan bangunan KOMTAR dan juga di tempat-tempat letak kereta. Tambahan pula, pihak polis telah menghantar pegawai-pegawai mereka untuk mempererat lagi peraturan-peraturan keselamatan di dalam kawasan KOMTAR termasuk juga kawasan tempat letak kereta.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:-

7. Adakah beliau sedar cuma satu saja paip bomba (*fire hydrant*) dipasang di sekim perumahan kos rendah di Bukit Panchor, Nibong Tebal? Sekiranya berlaku kebakaran di mana-mana di dalam sekim perumahan itu, adakah paip air ini cukup bagi memadamkan kebakaran? Jika tidak, bilakah dan berapa banyak lagi paip air yang akan dipasang di situ?

- (7. *Is he aware that only a single fire hydrant has been installed in the low-cost housing scheme in Bukit Panchor, Nibong Tebal? In the event of a fire outbreak in the scheme, will the single fire hydrant be sufficient to fight the fire? If not, when and how many more units of fire hydrants will be installed?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, pada masa ini terdapat sebuah pili bomba di Kawasan Perumahan Kos Rendah, Bukit Panchor Peringkat 1 dan 2 buah di Kawasan Peringkat II. Pili Bomba yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk melawan kebaran di kawasan tersebut dan ini telah disahkan oleh Jabatan Bomba.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan kelapan:

8. Adakah beliau sedar apabila sesebuah rumah diubahsuai di Seberang Perai Selatan, Pihak Berkuasa Air dengan serta-merta akan menukar tarif air dari kod I ke kod III. Tetapi apabila rumah berkenaan telah siap diubahsuai dan Pihak Berkuasa Air telah diberitahu tentang hal ini, mengapakah Pihak Berkuasa Air mengambil masa begitu panjang, biasanya hingga beberapa bulan atau tahun untuk menukar balik tarif air dari kod III ke kod I?

- (8. *Is he aware that when a house is being renovated in Province Wellesley South, the Penang Water Authority will immediately change the water tariff from Code I to Code III. However when the renovation of the house has been completed and the PBA informed, why does the PBA take such a long time, usually a few months to a year, to change back the tariff code from III to I?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, kejadian salahguna bekalan air rumahtangga bagi kerja-kerja pembinaan adalah tinggi di Seberang Perai Selatan. Malangnya, kejadian-kejadian salahguna sedemikian menambahkan bahaya pencemaran kepada bekalan air.

Pertukaran Kod 1 (bekalan rumahtangga) kepada Kod 3 (bekalan kontraktor) adalah dikenakan agar bekalan rumahtangga yang lebih murah tidak begitu kerap dipergunakan untuk maksud pembinaan yang sebenarnya memerlukan bekalan tapak kerja melalui sebuah tangki yang sempurna.

Satu-dua kejadian kelewatan menukar semula dari Kod 3 ke Kod 1 selepas selesai kerja-kerja pembinaan mungkin pernah berlaku akibat daripada kesilapan dan sebagainya.

Perkara ini sekarang sedang dalam kajian semula untuk mengetahui sama ada lebih banyak publisiti dan kerja-kerja perhubungan awam boleh diuruskan demi memperbaiki keadaan sekarang.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, soalan kesembilan:-

9. Adakah beliau sedar bahawa semasa sesebuah rumah sedang diubahsuai di kawasan Seberang Perai Selatan, Pihak Berkuasa Air akan memotong serta-merta bekalan air ke rumah itu atas alasan rumah itu tidak menyediakan tangki yang sesuai? Jika ya, mengapakan Pihak Berkuasa Air perlu mengambil tindakan yang "drastic" itu sedangkan masalah itu dapat diselesaikan dengan memberi sedikit masa kepada tuan punya rumah untuk menyediakan tangki tersebut?

- (9. *Is he aware that when a house is being renovated in Province Wellesley South, the PBA will immediately cut off water supply to the house on the grounds that a suitable water tank is not provided? If so, why does the PBA have to take such drastic action when the problem can be resolved by giving a little more time to the house owner to provide the tank?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, terdapat peruntukan dalam

Undang-undang Bekalan Air PBA bagi pemotongan segera bagi sesuatu premis jika dalam pandangan Jurutera, terdapat bahaya pencemaran ke atas saluran air awam yang timbul dari premis tersebut.

Semua kawasan pembinaan mempunyai risiko yang tinggi bagi terjadinya pencemaran sedemikian, kecuali ianya dipisahkan dengan satu peruntukan sebuah tangki air dan juga injab bebola. Di mana tangki sedemikian dan injab bebola tidak digunakan, satu andaian risiko yang tidak boleh diterima adalah dibuat dan bekalan dipotong dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, bekalan akan diberi semula sebaik sahaja kemungkinan sebab-sebab pencemaran itu dapat diatasi.

(VI) Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang pertama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, kita semua telah maklum bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah salah satu Perbadanan Kerajaan Negeri yang telah diamanahkan untuk membangun dan memajukan Negeri ini dari segi ekonomi dan sosial. Oleh itu saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat, sejauh manakah kejayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memainkan peranannya dalam membantu pembangunan Negeri ini, dan huraikan perkara-perkara seperti di bawah:-
 - (a) Berapakah jumlah kilang usahasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?
 - (b) Berapa banyakkah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menanggung hutang dan bilakah jangkaan hutang-hutang ini akan dapat diselesaikan?
- (1. *We have been informed that the Penang Development Corporation is one of the State Government agencies entrusted with the socio-economic development of the State. As such, I wish to ask the Hon'ble the Chief Minister to what extent has the PDC been successful in this role?*)

- (a) *How many PDC joint-ventures are there?*
- (b) *What is the amount of the PDC debts and when will these be repaid?*

Ketua Menteri:

Jawapan saya kepada soalan yang mana Yang Berhormat ingin mendapat tahu sejauh manakah kejayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memainkan peranannya dalam membantu pembangunan Negeri ini. Bagi menjimatkan masa Dewan ini, Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat Ahli yang berkenaan bolehlah menarik perhatian merujuk perkara ini dalam Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1982 yang telah dibentangkan di mesyuarat yang lalu; tetapi dipendekkan jawapan ialah pada penghujung tahun tujuh puluhan Negeri Pulau Pinang telah mencapai kemajuan ekonomi yang begitu pesat dan ini boleh diukur secara membandingkan petunjuk-petunjuk ekonomi yang telah diterima.

Dari segi pengeluaran "*Gross Domestic Product*", kadar perkembangan purata untuk Negeri ini pada jangka masa tahun 1972 - 1980 ialah 11.6 peratus setahun (purata kebangsaan untuk jangka masa ini ialah 8.1 peratus); manakala jangka perkembangan untuk tahun-tahun 1960an telahpun dikira sebanyak 3.2 peratus setahun dan (purata kebangsaan ialah 4.7 peratus). Dari segi perkembangan purata per kapita GDP perkembangan Pulau Pinang bagi tahun 1970an, adalah 9.6 peratus (purata kebangsaan untuk Malaysia ialah 5.1 peratus). Bagi tahun-tahun 1960an, angka yang dikira boleh didapati bagi tahun-tahun 1965-1969 dan perkembangan purata per kapital ialah 0.4 peratus setahun (perkembangan kebangsaan ialah 1.7 peratus setahun).

Apabila mengkaji semula perkembangan di dalam sektor-sektor yang berlainan ini di dalam tahun-tahun 1960an, sektor pengeluaran telah merupakan sejumlah 37.15 peratus. Ini telah berlaku kerana perkembangan sektor pengeluaran sebanyak 18.9 peratus setahun (kadar perkembangan kebangsaan ialah 12.5 peratus). Adalah dijangka bahawa sektor pengeluaran akan merupakan sejumlah 46.4 peratus daripada GDP dalam tahun 1990.

Daripada ini kita boleh nampak pembangunan Pulau Pinang telahpun dikembangkan dengan begitu pesat sekali dan perbadanan sebagai agensi utama pembangunan Negeri ini telahpun memainkan

kan peranannya di dalam pembangunan Negeri. Sumbangan Perbadanan terhadap pembangunan adalah begitu positif.

Tuan Speaker, jawapan saya kepada bahagian (a) ialah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memegang ekuiti di dalam 10 buah kilang dan kilang-kilang itu adalah seperti berikut:-

- (1) Penang Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd.,
- (2) Malaysia Foods Berhad
- (3) Sika (M) Sdn. Bhd.
- (4) Electronics Computer Component Sdn. Bhd.
- (5) Malaysian Circuit Sdn. Bhd.
- (6) Malaysian Engineering Plastics Sdn. Bhd.
- (7) German-Malaysian Precision Engineering Sdn. Bhd.
- (8) Atlas Electronics (M) Sdn. Bhd.
- (9) Kanebo Malaysia Spinning Mills Sdn. Bhd.
- (10) Schott Glass (M) Sdn. Bhd.

Tuan Speaker, jawapan saya kepada bahagian (b) ialah pada November 30, 1983, jumlah hutang Perbadanan ialah sebanyak \$134,771,395.00. Jumlah ini mengandungi wang sebanyak \$86,669,736.00 yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan wang sejumlah \$49,101,659.00 terhutang kepada institusi-institusi kewangan untuk projek-projek perumahannya. Daripada hutang sejumlah \$86.7 juta daripada Kerajaan Persekutuan pihak Perbadanan telahpun memohon untuk mendapat '*interest-free moratorium*' daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah \$22.9 juta. Perbadanan juga telah memohon pinjaman terhadap KOMTAR yang berjumlah \$25 juta itu dipusingkan bagi jumlah lima tahun. Sekiranya permohonan ini diluluskan, jumlah terhutang ini akan dapat diselesaikan dalam tahun 1985. Baki pinjaman itu akan dibayar apabila tiba masa pembayarannya.

Pinjaman sebanyak \$48.1 juta daripada institusi-institusi kewangan adalah semata-mata untuk membiayai projek-projek. Pembayaran balik pinjaman-pinjaman ini adalah mengikut jadual pembayaran balik yang telahpun dipersetujui dalam Perjanjian Pinjaman dan daripada punca kewangan yang diperolehi daripada penjualan unit-unit rumah.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah Kerajaan sedar bahawa dengan adanya hutang-hutang yang begitu banyak boleh menjejaskan prestasi dan perkhidmatan Kerajaan Negeri dan apakah punca yang menyebabkan hutang yang begitu banyak yang dibayar begitu lambat? Adakah ini mungkin disebabkan kecekapan pentadbiran di mana perancangan-perancangan yang dibuat tidak dikenalpasti terlebih dahulu?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri ada keyakinan sepenuhnya yang mana semua hutang-hutang ini boleh dibayar balik mengikut jadual. Saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli dalam Dewan ini mesti faham mula-mula daripada wang pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak \$86 juta itulah Kerajaan Negeri telah membeli tanah-tanah pada masa itu untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang. Bila Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah ditubuhkan pada bulan November 1969, semua wang pinjaman itu telah dirujuk kepada Perbadanan sebagai agensi Kerajaan untuk membayar balik mengikut jadual dan \$66 juta lebih yang telah menjadi wang hutang ialah daripada institusi-institusi kewangan. Semua ini telah menunjukkan yang mana institusi-institusi kewangan ada keyakinan terhadap Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai satu agensi yang mempunyai kebolehan untuk membuat pembangunan dan untuk menyelesaikan hutang-hutang pada masa sekarang.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Datuk Speaker, soalan yang kedua:

2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kawasan Pekan Permatang Pauh kini mengalami pencemaran udara, bau busuk, asap dan juga tempat lalat dan nyamuk membiak? Di akhir-akhir ini pula kawasan ini kerap banjir, khususnya di kawasan Ampangan Jajar. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil?

(2. *Is the State Government aware that the Pekan Permatang Pauh area is smelly and polluted with breeding of flies and mosquitoes? Over the past few days, floods have also frequently occurred especially in the Prai Barrage area. If so, what action has been taken to rectify the situation?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, memang benar banjir akan berlaku apabila hujan di kawasan Ampangan Jajar. Ini adalah kerana kawasan takungan air telah berkurangan disebabkan oleh pembuangan sampah yang tidak terkawal di kawasan itu. Selain dari itu, anak sungai di sini tersekat kerana projek Lebuh-
raya Malaysia.

Bagi mengatasi masalah pencemaran udara, bau busuk, asap dan tempat lalat/nyamuk membiak tindakan diambil dengan mengorek parit-parit baharu di kawasan Pekan Permatang Pauh ini.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah Kerajaan Negeri mendapati bahawa tapak untuk membuang sampah di kawasan itu sesuai?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Kerajaan akan mengkaji dan kalau didapati kawasan membuang sampah tidak berapa sesuai Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang ketiga:

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar longkang-longkang di Pekan Permatang Pauh tidak sempurna yang mana longkangnya telah pecah dan tertimbus dan sebahagian daripada parit tanah pula tidak dapat mengalir dengan baik dan berbau busuk serta menjadi tempat pembiakan nyamuk. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperbaiki atau membina semula longkang-longkang tersebut?

(3. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the drains at Pekan Permatang Pauh are in an unsatisfactory state? The drains are damaged and blocked and some stretches are earth drains. The stagnant water not only breeds mosquitoes but also gives rise to a foul stench. Does the Government have any programme to repair or rebuild the drains?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, pada masa ini disebabkan oleh masalah kewangan tidak ada perancangan yang segera untuk menyelesaikan masalah ataupun sistem pamaritan yang terdapat di kawasan Permatang Puah secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, untuk keperluan-keperluan atau hal-hal yang perlu pihak-pihak Jabatan Kerja Raya akan memperbaiki parit-parit yang didapati rosak. Rancangan jangka panjangnya, satu siasatan sedang dibuat untuk membolehkan sistem pamaritan ini diselesaikan dengan cara yang memuaskan. Ini memerlukan kewangan yang agak banyak. Jadi pada masa ini hanya di peringkat kajian apabila ada kecukupan dari segi kewangan masalah ini akan disegerakan atau dirancang.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang keempat:

4. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa P.B.A. sekarang ini sedang membina kolam air di Bukit Indera Muda? Apabila hujan air lumpur yang datang dari tapak tersebut melanda masuk ke rumah No. 732, Mk. 3, Bukit Indera Muda, Bukit Mertajam, S.P.T. Adakah pihak-pihak berkenaan akan membayar ganti-rugi kepada tuanpunya rumah tersebut?

- (4. *Is the State Government aware that P.B.A. is currently building a reservoir at Bukit Indera Muda? When it rains, muddy water from the construction site will flow into house No. 732, Mk. 3, Bukit Indera Muda, Bukit Mertajam, Province Wellesley Central. Will the relevant authority pay compensation to the house owner?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker P.B.A. atau Pihak Berkuasa Air Negeri telah mengenalpasti masalah ini dan telah mengambil langkah-langkah untuk mencegah kejadian-kejadian yang sedemikian di masa yang akan datang dan sedang mengkaji dan berusaha untuk menyelesaikan semua tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh penghuni-penghuni yang terlibat.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Sejauh ini setakat manakah usaha-usaha untuk mengelakkan tanah lumpur bila hujan masuk ke rumah ini?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, pegawai-pegawai telahpun menjalankan penyiasatan dan mengumpul maklumat-maklumat yang perlu daripada semua pihak yang terlibat dan tindakan-tindakan segera yang dapat dilakukan telahpun dilakukan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi: Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa dengan keadaan hujan yang begini lebat rumah ini akan menjadi sasaran. Tindakan apa yang telah dibuat?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah dengan cara pengorekan parit dan sebagainya. Walau bagaimanapun seperti yang saya katakan tadi secara menyeluruhnya akan dilakukan dengan lebih terperinci setelah maklumat dan hal-hal yang perlu didapati daripada penduduk-penduduk tempatan dan juga mereka yang terlibat di kawasan itu.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Manakala perkara ini diberitahu kepada pihak yang berkenaan, apakah pegawai-pegawai kanan atau jabatan-jabatan yang berkenaan telah menyiasat tempat itu?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Untuk masa-masa yang akan datang akan dipastikan supaya pegawai kanan ditugaskan supaya meneliti dan mengawasi tempat-tempat itu.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang kelima:-

5. Memandangkan adanya kawasan-kawasan di Negeri ini yang seringkali banjir,

adakah Kerajaan Negeri mengadakan peruntukan untuk mengelakkan kejadian tersebut?

- (5. *In view of the fact that there are areas in the State which are subjected to frequent floods, does the State Government provide funds for flood prevention?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Ya. Peruntukan berjumlah \$1,535,000.00 telahpun disediakan bagi tahun 1984 bagi maksud ini.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah pihak Kerajaan telah mengenalpastikan tempat-tempat yang sering kali menghadapi banjir?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, langkah-langkah yang akan diambil termasuklah meninggikan ban, membaiki atau membina pintu-pintu air ini dan membaiki ban di sungai-sungai di tempat itu.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang keenam:-

6. Apakah peranan dan perancangan Jabatan Haiwan Negeri Pulau Pinang yang telah dijalankan selama ini seperti berikut:
- (a) bilangan anak-anak itek/ayam/lembu/kerbau/kambing/kambing biri-biri dan lembu susu yang telah diberikan kepada orang ramai pada tahun ini;
 - (b) pembahagian binatang-binatang tersebut kepada tiap-tiap Daerah di Negeri Pulau Pinang; dan
 - (c) bilangan permohonan yang telah diterima untuk memohon tiap-tiap jenis binatang peliharaan tersebut mengikut Daerah?
- (6. *What is the role and programme which the State Veterinary Services Department has undertaken so far according to the following:*

- (a) *the number of ducklings, chickens, in each of the districts; and*
- (c) *the number of applications received for each type of livestock according to district?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, peranan Jabatan Haiwan adalah seperti berikut:-

- i) untuk mencegah, mengawal dan menghapuskan penyakit-penyakit binatang ternakan;
- ii) untuk menambahkan dan memajukan binatang-binatang ternakan yang bermutu baik;
- iii) untuk memberi perkhidmatan haiwan yang cepat dan cekap kepada penternak-penternak; dan
- iv) untuk menarik minat ramai menternak binatang supaya dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui projek-projek pembangunan.

Mengenai soalan 6(a) bilangan anak-anak itek, ayam, lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan lembu susu yang telah diberikan kepada orang-ramai pada tahun ini adalah seperti berikut:-

Kambing bilangannya sebanyak	190 ekor
Biri-biri	120 ekor
Lembu susu	20 ekor
Itik	3,500 ekor
Ayam	42,960 ekor
Lembu	196 ekor
Kerbau	26 ekor

Mengenai soalan 6(b) pembahagian binatang-binatang tersebut pada tiap-tiap daerah di dalam Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Kambing sebanyak	34 ekor
Biri-biri	tiada
Lembu susu	tiada
Itik	700 ekor
Ayam	7,000 ekor
Lembu	13 ekor
Kerbau	1 ekor

Untuk Daerah Barat Daya Pulau Pinang:-

Kambing bilangannya sebanyak	54 ekor
Biri-biri	tiada dibekalkan
Lembu susu	tiada dibekalkan
Itik	700 ekor
Ayam	9,300 ekor
Lembu	42 ekor
Kerbau	1 ekor

Untuk Daerah Seberang Perai Utara:-

Kambing bilangannya sebanyak	34 ekor
Biri-biri	12 ekor
Lembu susu	tiada dibekalkan
Itik	700 ekor
Ayam	8,600 ekor
Lembu	60 ekor
Kerbau	19 ekor

Untuk Daerah Seberang Perai Tengah:-

Kambing	44 ekor
Biri-biri	96 ekor
Lembu susu	9 ekor
Itik	700 ekor
Ayam	8,600 ekor
Lembu	55 ekor
Kerbau	5 ekor

Untuk Seberang Perai Selatan:-

Kambing	24 ekor
Biri-biri	12 ekor
Lembu susu	11 ekor
Itik	700 ekor
Ayam	9,460 ekor
Lembu	26 ekor
Kerbau	tiada dibekalkan

Bagi soalan (c) oleh kerana bilangan permohonan yang telah diterima begitu banyak dan sedang diproses di peringkat daerah, maklumat-maklumat mengenai dengan bilangan permohonan ini akan dihantar dari Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pulau Pinang terus kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, berapakah peruntukan jumlah ringgit yang telah dihabiskan untuk masalah-masalah ini iaitu seperti kambing, kambing biri-biri, lembu susu, ayam, itik, dan sebagainya dan mengikut daerahnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, peruntukan dibelanjakan adalah seperti yang telah diluluskan oleh Dewan ini dan Ahli Yang Berhormat boleh melihat Buku Belanjawan tahun 1983.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:-

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Mengumpul Susu di Negeri ini? Jika ada, di mana dan bilakah dijangka akan siap?

(7. *Does the State Government plan to establish a milk-collecting centre in the State? If so, where and when is it expected to be built?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, memang ada cadangan untuk membina pusat-pusat pengumpulan susu (*milk-collecting centres*) di dalam Negeri Pulau Pinang ini. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Kuala Lumpur telah meluluskan dua buah projek untuk Pusat Mengumpul Susu iaitu:-

- (1) Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan; dan
- (2) Cherok To'Kun, Seberang Perai Tengah.

Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk menubuhkan sebuah pusat pengumpulan susu di Balik Pulau, Daerah Barat Daya, dalam tahun 1984 di atas tapak Pejabat Haiwan yang ada sekarang.

Kesemua projek-projek ini adalah dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1984.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Lembu-lembu susu telahpun diberi kepada orangramai. Yang menjadi masalah yang saya ingin memberi tahu kepada Yang Berhormat ialah mengenai pemasaran susu-susu tersebut. Lembu telahpun diberi pemasaran yang amat mendukacitakan dan tidak ada tempat yang hendak menolak pada masa ini. Saya ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, bilangan lembu susu yang diberikan setakat ini hanya 20 ekor. Jadi saya rasa pasaran tidak timbul. Walau bagaimanapun, kita telah mendapat kerjasama daripada Pusat Mengumpul Susu dari daerah Kulim. Para penternak-penternak lembu susu yang mempunyai masalah dalam soal pasaran bolehlah menghantar susu-susu mereka ini ataupun susu-susu lembu ke Pusat Mengumpul Susu di Kulim, sementara menunggu Pusat Mengumpul Susu di Cherok To'Kun siap nanti.

(VII) Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan yang pertama:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang akan membangunkan unit-unit perumahan kos rendah di dalam kawasan ADUN Penanti? Jika ada:

- (a) di manakah letaknya kawasan itu;
- (b) berapakah luas tanahnya;
- (c) berapakah bilangan unit yang akan dibina; dan
- (d) bilakah agaknya projek ini akan dilaksanakan?

- (1. *Does the State Government plan to build low-cost houses in the Constituency of Penanti? If so:*

- (a) *where is the location;*
- (b) *what is the area of the land;*
- (c) *how many units will be built; and*

(d) when is the project expected to begin?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri bercadang untuk mendirikan satu projek perumahan awam kos rendah di Penanti. Butir-butir projek adalah seperti berikut:

Tapaknya ialah di Kubang Semang.

Luas tapak ialah 5.4 ekar

Bilangan rumah yang dicadangkan ialah 150 unit.

Projek ini adakan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan tambahan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat diperolehi.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa notis tidak diberi kepada tuan-tuan tanah bagi menanam paip-paip besar bagi Projek Empangan Mengkuang dan ini menimbulkan banyak masalah dan persoalan dari tuan-tuan tanah?

(a) Adakah gantirugi akan dibayar kepada tuan-tuan tanah di atas pokok-pokok tanaman mereka yang musnah?

(b) Siapakah yang bertanggungjawab bagi memperbaiki titi, parit dan batu perenggan yang telah rosak?

- (2. *Is the State Government aware that no prior notice was given to land owners concerned to lay the piping for the Mengkuang reservoir project and this has caused many problems and raised many questions among the land owners.*

(a) *Will compensation be paid to those land owners whose trees have been fell?*

(b) *Who is responsible for repairing the bridge, drains and boundary stones which have been damaged?*

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, jawapan bagi soalan ke 2(a)

dan (b) semua sekali adalah seperti berikut:-

Talianpaip yang dipasang di bawah Rancangan Mengkuang, kebanyakannya dipasang di atas ataupun di sepanjang kawasan-kawasan simpanan jalan. Di mana talian paip dipasang melalui tanah persendirian, tanah-tanah yang terlibat telah diambilalih. Malangnya, semasa memasang talianpaip, ada kalanya pihak-pihak kontraktor telah dengan tidak sengaja merosakkan pokok-pokok, titi-titi, parit-parit dan juga batu-batu perenggan. Jadi dalam soal ini tuntutan-tuntutan yang berkenaan akan diberi kepada tuan-tuan tanah sebagai gantirugi disebabkan oleh kerosakan titi-titi mereka, parit, batu-batu perenggan ataupun kerosakan pada pokok dan tanaman mereka, akan dibuat dan telahpun dibuat pada masa ini.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Soalan tambahan: Soalan tambahan berkenaan dengan parit-parit yang mana pada masa yang lalu ialah setengah daripada tempat umpamanya di Padang Menora iaitu mempunyai parit-parit simen dan parit-parit seumpama ini semuanya telah habis dirosakkan sedangkan hari ini timbunan-timbunan tanah belum diratakan. Bilakah parit ini dapat dibuat dengan secepat mungkin kerana saya rasa kalaulah hujan turun di masa-masa sekarang ini, maka rumah-rumah di sekeliling kawasan ini akan tenggelam hampir-hampir barangkali dua kaki dalamnya. Saya ingin mendapat tahu bilakah masanya akan dapat kita percepatkan parit-parit ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membuat soalán dan kita anggap pertanyaan itu sebagai maklumat dan kita akan bertindak mendapatkan maklumat-maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Soalan ketiga, Tuan Speaker:

3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan memberi hak milik tetap kepada pemegang-pemegang tanah Lesen Tumpangan Sementara kawasan Kampong Baru Tok Jawa memandangkan mereka telah mengusahakan tanah tersebut lebih daripada tiga puluh tahun?

(3. *Does the State Government plan to*

alienate land to the TOL holders in Kampong Baru Tok Jawa in view of the fact that they have worked on the land for more than 30 years?)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, jawapan kepada soalan itu ialah ya. Setakat ini Pejabat Pengarah Tanah dan Galian telah menerima sebanyak 39 permohonan daripada pemegang-pemegang Lesen Tumpangan Sementara (TOL) untuk diberimilik di kawasan Kampong Baru Tok Jawa. Permohonan sedang diproses oleh Jawatankuasa Kerja Tanah. Hakmilik akan ditimbang jika pemohon menjelaskan bayaran dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Soalan keempat:

4. Bilakah pagar Titi Sungai Tok Tongkat yang telah patah dan bengkok akan dibaiki oleh JKR kerana kemungkinan akan membahayakan pengguna-pengguna jalanraya.

(4. *When will the damaged bridge spanning the Sungai Tok Tongkat be repaired by JKR because of the potential danger to users?)*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, sebutbarga akan dipanggil untuk membaiki besi pengadang (*railing*). Kerja-kerja membaiki akan dijalankan tidak berapa lama lagi.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Soalan kelima:

5. Adakah Jabatan Parit dan Taliair bercadang untuk membina titi-titi besar yang boleh dilalui oleh jentera-jentera berat ke dalam sawah-sawah seperti jentera pemotong padi dan sebagainya?

(5. *Does the Drainage and Irrigation Department plan to build bridges that can be used by heavy machinery for use in the padi fields such as harvesters and so on?)*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Taliair memang mempunyai rancangan untuk membina titi-titi yang besar bagi membolehkan jentera-jentera berat seperti jentera pemotong padi dapat menyeberangi ke kawasan-kawasan sawah. Untuk tahun 1984 peruntukan sebanyak \$1,250,000.00 telah diperuntukkan untuk membina jambatan-jambatan dan lintasan. Ini merupakan satu peruntukan yang besar. Tiga buah titi untuk jentera pemotong padi akan dibina dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$750,000.00. Jambatan-jambatan ini akan dibangunkan di kawasan Sungai Tambus, Daerah Seberang Perai Utara, di kawasan Sungai Lahar Endin, Daerah Seberang Perai Utara dan di Sungai Kubang Semang, Daerah Seberang Perai Tengah. Sebanyak 34 buah titi traktor dan 11 buah pembedongan paip akan ditambah dan dimasukkan dalam program 1984.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan keenam:

6. Bilakah pihak Jabatan Perikanan akan melepaskan anak-anak udang galah ke dalam sungai, di Sungai Dua?

(6. *When will the Fisheries Department release tiger prawn fry in the river at Sungai Dua?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, Jabatan Perikanan telah merancang untuk melepaskan benih-benih anak udang galah dalam Sungai Dua dalam bulan Februari tahun 1984 berdasarkan kepada bekalan-bekalan benih anak udang galah yang kita perolehi dari Instituti Penyelidikan Perikanan Batu Maung.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:

7. Bilakah Pegawai Perikanan akan diadakan di Seberang Perai Utara.

(7. *When will a fisheries officer be appointed for Province Wellesley North?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, pada masa ini terdapat seorang Pegawai Perikanan yang berkhidmat untuk Daerah Seberang Perai Utara tetapi berpejabat di

Bukit Mertajam. Bagi memberi keberkesanan kepada jentera pentadbiran Kerajaan, kita akan menempatkan seorang Pegawai Perikanan di Pejabat Daerah, Seberang Perai Utara pada awal tahun 1984.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan kelapan:

8. Berapa luaskah kawasan tanah terbiar yang telah dipulihkan? Berapakah bakinya yang belum dipulihkan? Nyatakan sebab-sebabnya tidak dapat dipulihkan. Bilakah akan selesai pemulihan di kesemua tanah-tanah terbiar itu?

(8. *What is the total acreage of idle land rehabilitated? What is the acreage not yet rehabilitated? Give reasons why some of the idle land have not been rehabilitated. When will all the idle land be rehabilitated?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, luas tanah bendang terbiar yang telah dikenalpasti dalam tahun 1981 ialah sebanyak 7,278.12 hektar (17,984 ekar). Luas tanah bendang yang terbiar yang telah dipulihkan dalam Fasa I dan Fasa II ialah 5,380.88 hektar (13,296 ekar). Dengan ini, baki kawasan yang perlu dipulihkan lagi ialah 1,897.23 hektar (4,688 ekar).

Rancangan Pemulihan dibuat berperingkat-peringkat dan bergantung kepada peruntukan-peruntukan tahunan untuk bantuan-bantuan dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Pelaksanaannya juga berdasarkan kepada kemampuan dan keupayaan yang ada pada agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Swasta dalam satu-satu musim.

Baki tanah-tanah terbiar ini dijangka dapat dipulihkan kesemuanya pada akhir tahun 1984.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan kesembilan:

9. Pihak Kementerian Pertanian telah mengisytiharkan bantuan pemulihan tanah terbiar bagi Negeri Pulau Pinang yang telah diperuntukkan sebanyak \$4.65 juta.

(a) Berapa banyakkah wang yang telah diperolehi.

- (b) Adakah seimbang wang yang diperolehi dengan kerja-kerja pemulihan yang diusahakan?
 - (c) Jika tidak, apakah sebabnya berlaku demikian?
- (9. *The Ministry of Agriculture has announced that \$4.65 million has been allocated as financial assistance for land rehabilitation in Penang.*
- (a) *How much of this allocation has been received?*
 - (b) *Is the rehabilitation work carried out commensurate with the funds expended?*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, daripada peruntukan sebanyak \$4.65 juta yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Pusat sebagai bantuan pemulihan tanah terbiar bagi Negeri Pulau Pinang, sehingga hari ini jumlah peruntukan yang telah diterima dari Kementerian Pertanian ialah \$1,083,034.85 iaitu dipecahkan \$500,000.00 melalui Jabatan Parit dan Taliair dan sebanyak \$583,034.85 melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri.

Peruntukan kepada Jabatan Parit dan Tali-air adalah untuk kerja-kerja prasarana seperti pembinaan dan memperbaiki sistem taliair.

Peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ialah untuk bantuan-bantuan bajakan, benih, baja, racun dan lain-lain.

Bagi soalan 9(b) peruntukan yang diperolehi adalah seimbang dengan kerja-kerja pemulihan memandangkan kepada jumlah luas yang telah dipulih dan faedah-faedah yang telah diperolehi oleh petani-petani dan tuan-tuan tanah dalam jangka masa yang panjang.

(VIII) **Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan yang pertama.

1. Berapa luaskah tanah-tanah Simpanan

Kerajaan dalam Negeri Pulau Pinang yang diwartakan sebagai Kawasan Tadahan Air?

- (a) Adakah Kerajaan sedar terdapat peneroka-peneroka haram yang meneroka Hutan Simpanan Kerajaan, yang mana boleh mengugat kawasan tadahan air?
- (b) Adakah tindakan Kerajaan terhadap peneroka-peneroka ini, dan tindakan lanjut menyelamatkan hutan simpanan ini?

- (1. *What is the area of State Reserve land which has been gazetted as catchment areas?*

- (a) *Is the Government aware that there are illegal cultivators in the reserve land which may adversely affect the catchment area?*

- (b) *What action has the Government taken against these cultivators and to protect the reserve land?*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, jumlah keluasan kawasan tadahan air di Negeri Pulau Pinang ialah 55.4 kilometer persegi ataupun 21.4 batu persegi.

Jawapan untuk soalan 1(a) ialah tiada terdapat peneroka haram di atas tanah simpanan Kerajaan yang boleh menggugat kawasan tadahan air.

Jawapan untuk soalan 1(b) ialah Pihak Berkuasa ini sentiasa menjalankan pemeriksaan di kawasan tadahan air untuk memastikan tidak terdapat peneroka di tanahnya dan kawasan tadahan air adalah sentiasa selamat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan: Saya ingin tahu berapa banyak bilangan peneroka-peneroka haram yang terdapat di kawasan hutan simpanan di kawasan Telok Bahang, sebab didapati ada peneroka-peneroka yang sedemikian.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, perkara ini akan disiasat dan akan diberitahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak kawasan-kawasan semula jadi yang strategik kepunyaan awam untuk tujuan perkelahan di kawasan Telok Bahang yang sentiasa dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung dari bandar pada setiap hujung minggu? Jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat kajian lanjut dan mewartakan kawasan-kawasan ini supaya dijadikan tempat perkelahan umum?

- (2. *Is the Government aware that there are many scenic spots in Telok Bahang which are visited by picnickers during weekends? If so, does the Government plan to make a study with a view to gazetting these places for public recreation?*)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, Kerajaan memang sedar mengenai potensi kawasan Telok Bahang dalam menyediakan kemudahan rekreasi kepada orang ramai. Oleh itu Kerajaan sedang menumpukan perhatian ke kawasan ini untuk tujuan membangunkannya.

Hutan simpanan di Telok Bahang telah diwartakan sejak tahun 1973. Jabatan Hutan Pulau Pinang ditugaskan membangunkan Hutan Simpanan ini. Setakat ini Jabatan Perhutanan Pulau Pinang telah berjaya melaksanakan Rimba Rekreasi yang bertujuan menambatkan kawasan untuk menampung keperluan rekreasi umum. Kerajaan Negeri akan menyelidik kemungkinan bagi mewartakan kawasan-kawasan tersebut sebagai tempat-tempat rekreasi untuk orang ramai seperti mana dan apabila perlu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Adakah Kerajaan sedar terdapat banyak sungai di kawasan Balik Pulau yang pengaliran airnya tersekat disebabkan oleh sampah sarap?

- (3. *Is the Government aware that there are many rivers in Balik Pulau which are clogged with rubbish?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, jawapannya tidak. Penyelenggaraan biasa terhadap 27 batang sungai yang berjumlah sepanjang 32.41 km. sedang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair. Kerja-kerja mencuci dan membuang pokok-pokok yang jatuh ke dalam sungai dijalankan mengikut pusingan giliran antara 3 hingga 4 kali dalam setahun.

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat di bawah Projek Pembangunan, satu program telah disediakan untuk mendalam dan memperbaiki sistem sungai supaya dapat mengurangkan masalah banjir di kawasan-kawasan pertanian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Bilakah projek Taman Haiwan yang dicadangkan di kawasan Pantai Aceh, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang akan dilaksanakan?

- (4. *When will the proposed zoo project in Pantai Aceh, South-west District be implemented?*)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang berusaha menyediakan pelan lengkap zoo tersebut. Taman ini akan dilaksanakan sebaik sahaja perancangan yang lengkap ini siap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan: Adakah Kerajaan hendak menswastakan zoo ini mengikut rancangan Kerajaan hari ini?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan projek menebus guna tanah di kawasan tanah Kerajaan sepanjang pantai hutan bakau dari Pulau Betong sehingga ke Pantai Aceh, Balik Pulau, Pulau Pinang?

- (5. *Does the Government plan to carry out reclamation works along the coast from Pulau Betong to Pantai Acheh, Balik Pulau, Penang?*)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, beberapa kawasan telah dikenalpasti untuk direklamasi. Walau bagaimanapun, buat masa ini kawasan tanah Kerajaan di sepanjang Pantai Hutan Bakau dari Pulau Betong sehingga ke Pantai Acheh Balik Pulau, Pulau Pinang, tidak termasuk di dalam senarai kawasan yang dikenalpasti untuk program reklamasi.

Bagaimanapun, Kerajaan bercadang untuk memulakan kajian bagi menggunakan kawasan tersebut untuk tujuan ternakair dan ini akan melibatkan reklamasi juga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan keenam:

6. Adakah rancangan Kerajaan hendak membina jalan di tepi-tepi laut dari Gertak Sanggul melalui kaki bukit tepi pantai hingga ke Pekan Telok Bahang bagi tujuan kegunaan awam dan menarik lebih ramai pelancung ke Negeri ini? Jika ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan?

- (6. *Does the Government plan to build a road along the coast from Gertak Sanggul at the foothill beside the coast to Telok Bahang to attract more tourists to the State? If so, when will this project be implemented?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jawapannya ialah tidak ada.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:

7. Baru-baru ini Kerajaan ada menganjurkan Kempen Rancangan Buku Hijau untuk keperluan sendiri. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menggalakkan setiap rakyat untuk menyahut seruan yang sungguh berfaedah ini?

- (7. *Recently the Government launched the Green Book programme. What steps has the State Government taken to encourage the people to heed this call which is very beneficial?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, untuk menggalakkan rakyat menjayakan Rancangan Buku Hijau, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Buku Hijau di peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi dalam sektor pertanian. Kempen-kempen untuk menggalakkan orang ramai sedang dan akan dijalankan seterusnya. Kempen-kempen ini diadakan melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Borang-borang untuk mengumpul maklumat-maklumat asas mengenai semua kampung di dalam daerah terutama sekali butir-butir penggunaan tanah pertanian telah diedarkan kepada rakyat untuk diisi. Tujuannya ialah untuk memudahkan perancangan di peringkat daerah

Selain daripada kempen-kempen, agensi-agensi dalam sektor pertanian menjalankan program khidmat nasihat kepada rakyat dari segi cara menanam, memasarkan dan lain-lain. Kemudahan input pertanian seperti benih, baja, racun dan lain-lain lagi juga disediakan dengan harga yang berpatutan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kelapan:

8. Adakah Kerajaan sedar bahawa hujan lebat di Balik Pulau baru-baru ini telah mengakibatkan tebing sungai dan sebarang jalan yang berdekatan dengan Mesjid Jamek Kongsi, Balik Pulau, telah roboh dan pecah? Jika ya, adakah ini berpunca daripada kerja-kerja mengorek untuk talian telekom yang tidak diawasi dengan rapi oleh Jabatan Telekom? Bilakah keadaan ini akan dibaiki dan dibina semula?

- (8. *Is the Government aware that heavy rain over the last few days has eroded and damaged the river banks and certain stretches of the road close to*

the Jamek Kongsı mosque, Balik Pulau? If so, is this due to the road diggings, which have not been properly supervised, for the laying of telecoms cables by the Department? When will this damage be repaired and the road resurfaced?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jawapannya ialah ya. Kestabilan tembok penahan di separuh jalan yang berhampiran di tapak tersebut boleh terjejas oleh kerja-kerja menggali jalan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Telekom.

Tindakan sedang diambil oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk memperbaiki tembok penahan dan memperbaiki semula jalan tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan: Saya ingin tahu berapa lama satu bencana tebing bahu jalan yang telah mengakibatkan bahaya kepada rakyat dibaiki kerana hampir lebih sebulan di hadapan Masjid Jamek Kongsı itu tidak dibuat tindakan sebarang bagi memperbaiki jalan itu.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Kerajaan akan menjaga supaya tindakan memperbaiki jalan dan tembok penahan ini dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Hasil daripada korekan dan galian yang dibuat oleh Jabatan Talikom sehingga hari ini terdapat banyak kawasan-kawasan yang belum dibaiki. Setelah soalan dimasukkan ke Dewan 4 hari yang lalu, barulah mula hendak ditarkan. Saya ingin tahu adakah keseluruhan kawasan yang telah digali itu akan diperbaiki.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya harap kes-kes yang tertentu boleh dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan: Juga jalanraya di Pondok

Upel amat buruk sekali dan apa yang saya difahamkan pada awal bulan Januari ini sekolah Maktab Sains MARA telah dan akan mula dijalankan dan ini akan menjatuhkan imej yang buruk ke atas Negeri kita sekiranya tidak diperbaiki dengan segera. Saya ingin tahu bilakah jalan ini akan diperbaiki.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Kerajaan akan siasat tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kesembilan:

9. Adakah Kerajaan sedar terdapat titi-titi berasuk besi yang lama telah berkarat yang boleh mengakibatkan bahaya kepada kenderaan berat? Terdapat sebuah titi yang merintangı jalan dari Simpang Empat, Balik Pulau ke Pulau Betong telah roboh, yang mana telah menyulitkan penggunaan pengguna menggunakan jalan berkenaan sebagai laluan sehingga masa ini. Terdapat sebuah titi lagi di tepi laut Kampong Nelayan Telok Bahang, yang telah dipukul ribut dan ombak laut dan berkemungkinan besar titi ini akan pecah dan roboh. Apakah tindakan lanjut yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan titi-titi ini daripada roboh?

- (9. *Is the Government aware that bridges with the iron foundations already rusted may pose a danger to heavy vehicles? There is a bridge over the road from Simpang Empat, Balik Pulau to Pulau Betong which has already collapsed and this has created difficulties for the people using the bridge. There is another bridge by the sea at Kampong Nelayan, Telok Bahang which has been eroded by the sea and this may collapse. What steps will the Government take to prevent the bridge from collapsing?)*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Jabatan Kerja Raya sentiasa memperbaiki dan mengawasi keadaan titi-titi berasuk besi yang telah lama dan berkarat di semua jalan

yang telah diambilalih dan diselenggarakan oleh Kerajaan. Tindakan telahpun dan sedang diambil untuk menggantikan rasuk titi-titi lama ini yang telah rosak, tetapi ini adalah dihadkan oleh peruntukan yang diberikan kepada jabatan ini dari tahun ke setahun. Buat masa ini titi-titi tersebut adalah masih selamat untuk digunakan oleh kenderaan-kenderaan biasa dengan had muatan seperti yang telah diwartakan. Jika satu-satu kenderaan yang lebih berat daripada apa yang diwartakan ingin melalui jambatan-jambatan tersebut, kebenaran perlulah diambil daripada JKR terlebih dahulu untuk memastikan yang tidak ada kemalangan akan berlaku. Bagi titi yang merintang jalan dari Simpang Empat, Balik Pulau ke Pulau Betong yang telah roboh itu, pihak Jabatan Kerja Raya telahpun memanggil tawaran dan telahpun memberikan tawaran tersebut kepada seorang pemborong untuk mengendalikannya dan dijangka akan disiapkan secepat mungkin. Didapati yang keadaan itu tidaklah begitu menyusahkan pengguna-pengguna jalan memandangkan ada lagi satu jalan yang boleh digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut tanpa melalui jambatan ini.

Jabatan Kerja Raya sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki "wing wall" jambatan konkrit di tepi laut Kampong Nelayan, Telok Bahang, dengan menggunakan tenaga jabatan itu sendiri. Jambatan ini didapati masih kukuh dan apa-apa hakisan yang akan berlaku tidak akan melibatkan atau meruntuhkan jambatan ini, hanya jika hakisan terus berlaku, "wing wall" di tepi laut untuk jambatan ini dan juga jalan di tepi laut itu akan dihakiskan oleh air laut dan ombak. Pejabat ini sedang mengambil tindakan untuk meletakkan batu-batu besar supaya hakisan ini dapat diberhentikan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kesepuluh:

10. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan kepada pengusaha-pengusaha yang mengambil pasir sehingga menyebabkan air bertakung seperti lombong dan membiakkan nyamuk kerana tiada pengawasan sehingga menyebabkan pencemaran kepada masyarakat tempatan? Apakah tindakan Kerajaan terhadap tuan-tuan tanah dan pengusaha-pengusaha ini sepertimana di Mukim C, Permatang Pasir, Balik Pulau?

(10. *What conditions does the Government impose on people mining for sand in the rivers because these activities have created stagnant water which breeds mosquitoes? The poor supervision of these activities is also causing pollution in the surrounding area. What action is the Government taking against the land owners and operators concerned such as in the Mukim 'C', Permatang Pasir, Balik Pulau?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, apabila sesuatu permohonan untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan tanah-tanah pasir dikemukakan kepada Majlis untuk ulasan, di antara syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis ialah pengusaha-pengusaha dan pengorek tanah pasir hendaklah menentukan supaya tidak ada pembiakan nyamuk akibat dari kerja-kerja tersebut. Dari semasa ke semasa pegawai-pegawai Majlis membuat pemeriksaan ke kawasan-kawasan tersebut untuk menentukan bahawa tidak ada pembiakan nyamuk yang berlaku. Sekiranya ada, tindakan akan diambil di bawah Akta Pemusnahan Serangga-serangga Yang Membawa Penyakit, 1975 di mana pengusaha-pengusaha berkenaan ataupun tuan-tuan tanah akan dikeluarkan perintah untuk mengambil tindakan menghapuskan pembiakan nyamuk dan menentukan supaya pembiakan nyamuk tidak lagi berulang. Pada perluputan perintah tersebut ialah (selewat-lewatnya tujuh hari), pemeriksaan seterusnya akan dilakukan dan jika masih terdapat pembiakan nyamuk, maka Notis Pemberitahu Tentang Kesalahan akan dikeluarkan dalamana kompaun yang maksimumnya ialah \$100.00 atau gagal membayar kompaun tersebut akan mengakibatkan tindakan mahkamah boleh diambil.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah pihak yang berkuasa telah menyiasat kawasan ini dan nyamuk-nyamuk yang ada itu dan telah mengambil tindakan di atas tuan punya tanah itu?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penyiasatan telahpun dibuat dan didapati tidak ada perkara-perkara yang boleh kita ambil tindakan selanjutnya ke atas tuan-tuan punya tanah ataupun pengorek-pengorek tanah di kawasan itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan kesebelas:

11. Kerajaan kerap mengadakan Istiadat Sambutan/Perayaan yang berulang-ulang. Apakah jenis protokol dan peraturan-peraturan yang digunakan oleh Kerajaan? Adakah ianya dihebahkan menerusi pekeliling-pekeliling, buku-buku dan majallah-majallah kepada kakitangan Jabatan Kerajaan dan pembesar-pembesar negeri? Jika tiada, bagaimanakah cara perjalanan yang dibuat pada masa ini kerana terdapat perbezaan di antara satu majlis dengan satu majlis yang lain?

(11. *The Government often organises many official ceremonies and functions. What form of protocol is adopted at these functions? Is the form of protocol publicised in circulars, books and magazines to Government servants and VIPs? If not, how? It is observed that the protocol differs from function to function.*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jenis-jenis protokol dan peraturan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri pada ketika ini semasa menyambut atau mengadakan istiadat sambutan dan perayaan-perayaan adalah berpandukan kepada susunan protokol yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peraturan-peraturan ini diubahsuaikan serta dikemaskinikan dari masa ke semasa dengan terlebih dahulu merujuk kepada Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Speaker, tidak ada dihebahkan menerusi pekeliling-pekeliling, majallah-majallah, buku-buku dan pembesar-pembesar Negeri.

Sebelum sesuatu istiadat sambutan atau perayaan hendak diadakan satu Jawatankuasa Perayaan Peringkat Negeri yang biasanya dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Datuk Speaker dan Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuaratnya untuk membincangkan istiadat sambutan atau perayaan berpandukan kepada jenis-jenis acara yang hendak dijalankan, di mana keputusannya dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapat kelulusan.

Tuan Speaker, terdapat perbezaan-perbezaan

di antara satu majlis ke satu majlis adalah disebabkan jemputan-jemputan khas tidak hadir. Di kala itu berlakulah pertukaran susunan tempat duduk dalam protokol.

Saya rasa Kerajaan Negeri selalu mendapat kesusahan sebab beberapa surat yang telah dihantar tidak dijawab dan bila telah dijawab mereka yang telah dijemput tidak hadir.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 12:

12. Baru-baru ini saya telah terbaca dalam sebuah akhbar tempatan, bahawa suatu Syarikat Land Oil dari luar negeri telah membuat lawatan ke kawasan Sungai Pinang. Apakah tujuan lawatan pihak Syarikat Land Oil ini?

Saya difahamkan bahawa suatu perjumpaan di antara Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat telahpun diadakan; apakah hasil daripada perjumpaan ini?

- (12. *I have recently read in the newspapers that a foreign company called Land Oil has visited Sungai Pinang. What was the purpose of the visit? I understand that there was a meeting between the State Government and the company; what was the result of the meeting?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, wakil dari Land Oil Resources Corporation telah melawat Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengkaji kemungkinan melabur. Di dalam perbincangan yang telah diadakan, Land Oil telah menunjukkan minat dalam bidang pembiahan 'brackish-water marine'. Dengan ini suatu lawatan telah diatitkan bagi melawat kawasan Sungai Pinang di Daerah Barat Daya.

Perbincangan masih berterusan dan adalah masih terlalu awal untuk membuat sebarang kenyataan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ketigabelas:

13. Bagi meninggikan lagi taraf hidup para nelayan, apakah jenis-jenis bantuan

subsidi perikanan yang diberi oleh Kerajaan? Berapakah nilai bantuan yang diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada nelayan-nelayan yang memerlukan dan apakah syarat-syaratnya?

- (13. *To improve the living standards of fishermen, what are the types of fishing subsidy distributed by the Government? What is the value of this assistance and what are the conditions?)*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, bantuan subsidi yang merupakan pemberian pukut dan enjin sangkut enjin dalam telah pun diberhentikan pada tahun ini.

Walau bagaimanapun, program ini boleh pun digantikan dengan satu sekim baru yang merupakan Sekim Kemudahan Kewangan Perikanan yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Sekim ini bermula dari bulan Disember, 1983.

Jenis sekim kemudahan kewangan adalah seperti berikut:-

- a) Sekim Kemudahan Kewangan dengan pemberian insentif bagi peningkatan bot. Nilai pinjaman ialah dari \$5,000.00 hingga \$60,000.00.
- b) Sekim Kemudahan Kewangan dengan pemberian insentif bagi pemilikan bot. Nilai pinjaman ialah tidak melebihi \$250,000.00.
- c) Sekim Pinjaman Biasa. Nilai pinjaman berdasarkan kepada projek dan kelulusan Bank Pertanian Malaysia.

Syarat-syarat untuk meminjam

- a) Peminjam mestilah menjadi ahli Persatuan Nelayan/Syarikat Koperasi Nelayan dan seorang nelayan sepenuh masa.
- b) Untuk peningkatan bot, peminjam mestilah memiliki dan usaha bot sendiri yang melebihi 10 tan. Pinjaman 100% diberikan dengan kadar pinjaman 0%.
- c) Untuk pemilikan bot, 100% pinjaman akan diberikan untuk pembelian pukut, enjin dan peralatan bot. Pinjaman ini

adalah dari sumber Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Untuk kulit bot, 80% jumlah pinjaman akan diberikan oleh Bank Pertanian Malaysia dengan kadar yang ditentukan oleh Bank.

- d) Kuasa meluluskan semua pinjaman ini ialah Bank Pertanian Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 14'

14. Apakah hasil perbincangan Jawatankuasa Pertanian Negeri Pulau Pinang dengan pihak Jawatankuasa Pertanian Negeri Perak yang telah diadakan baru-baru ini mengenai kemudahan pendaratan nelayan pukut jerut dari Pulau Pangkor? Adakah Kerajaan bercadang akan membenarkan nelayan-nelayan tersebut mendarat di Pulau Pinang? Jika ya, di kawasan mana dan apakah syarat-syaratnya?

- (14. *What is the result of the recent discussions held between the State Agriculture Committee with their counterparts in Perak regarding landing facilities for fishermen from Pulau Pangkor? Does the Government plan to permit the fishermen to land in Penang? If so, where and on what conditions?)*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, hasil dari perundingan yang diadakan di Pulau Pinang pada 22hb. Februari, 1983, Kerajaan telah menentukan beberapa syarat untuk nelayan-nelayan Pukat Jerut Tuas, Negeri Perak, mematuhi jika kebenaran diberi untuk bersinggah di Pulau Pinang. Satu rundingan balas akan diadakan di Negeri Perak pada bulan Januari 1984 untuk mengambil keputusan yang muktamad.

Kerajaan bercadang untuk membenarkan nelayan-nelayan Pukat Jerut Tuas singgah di Kompleks Perikanan Batu Maung untuk mendapatkan bekalan air, makanan dan lain-lain.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:-

- i) Kawasan memukat yang dibenarkan ialah melebihi 12 batu dari pantai dan pulau-pulau yang berkaitan di Pulau Pinang.

- ii) Tiap-tiap bot tersebut tidak dibenarkan menjual hasil tangkapan di Pulau Pinang tetapi hanya dibenarkan singgah di Kompleks Pendaratan Ikan Batu Maung untuk mengambil bekalan sahaja.
- iii) Bot-bot ini tidak dibenarkan mengambil pekerja-pekerja tempatan iaitu pengkalan persinggahan.
- iv) Bot-bot ini hendaklah mengelakkan sebarang persengketaan atau perbalahan mengenai kawasan menangkap ikan dengan penduduk-penduduk tempatan.
- v) Semua pekerja dikehendaki berkelakuan baik. Jika tidak, kebenaran ini akan ditarik balik.
- vi) Jabatan Perikanan berhak menarik balik kelulusan ini sekiranya terdapat bantahan dari nelayan-nelayan tempatan mengenai perkara ini dan jika terdapat bot-bot tersebut melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan.
- vii) Kelulusan yang diberikan ini adalah untuk tahun ini sahaja. Perlanjutan tempoh kelulusan untuk tahun-tahun hadapan adalah bergantung kepada keputusan Kerajaan yang dibuat dari masa ke semasa.
- viii) Bilangan bot yang dibenarkan akan ditentukan oleh Jabatan Perikanan kelak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 15:

15. Banyak tanah-tanah sawah rang telah terbiar lama dan tidak dapat diusahakan di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah disebabkan sistem pamaritan dan tali-air yang tidak memuaskan:
 - (a) Adakah Kerajaan bercadang akan menghapuskan tunggakan bayaran tali-air yang tidak dibayar oleh tuan-tuan tanah disebabkan tidak mendapat hasil dari tanah-tanah mereka itu?
 - (b) Berapa banyakkah jumlah bayaran tali-air yang belum dijelaskan?
 - (c) Adakah Kerajaan sedar oleh kerana bayaran tali-air tidak mampu di-

bayar oleh tuan-punya-tuan-punya, maka cukai hasil tanah juga tidak dapat dibayar dan ini merugikan Kerajaan? Jika ya, adakah Kerajaan bercadang akan mengasingkan bayaran tali-air dan cukai tanah?

(15. *Many padi lands have been left idle for a long time in the State. This is due to the unsatisfactory drainage system.*

(a) *Does the Government plan to write off the arrears of irrigation rates due from landowners who are unable to derive produce from their land?*

(b) *How much are the outstanding arrears?*

(c) *Is the Government aware that since the irrigation rates are already in arrears, the landowners are also not able to pay their quit rent and this causes losses to the Government? If so, does payment of the irrigation rate and quit rent?)*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, tanah sawah padi yang tidak mendapat kemudahan tali-air atau bekalan air yang cukup selama tempoh satu musim penanaman padi hendaklah dikecualikan daripada membayar bayaran tali-air mengikut Seksyen 7(a)(i) Ordinan Kawasan-kawasan Tali-air, 1953. Tanah sawah padi yang tidak menerima bekalan air sepenuhnya bolehlah dibenarkan membayar kadar bayaran yang dikurangkan mengikut syarat-syarat di Seksyen 7, Ordinan Kawasan-kawasan Tali-air, 1953. Pegawai-pegawai Daerah Balik Pulau, Butterworth, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal telah diberi kuasa mengurangkan kadar bayaran tali-air yang patut dibayar melalui Pemberitahu Kerajaan Pulau Pinang No. 45 bertarikh 7hb. November, 1962. Mengenai tunggakan bayaran tali-air yang tidak dibayar kerana tanah berkenaan tidak diusahakan, pemilik tanah ini bolehlah memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat pertimbangan bagi memansuhkan bayaran tersebut.

Mengenai bahagian 15(b), jumlah tunggakan bayaran tali-air yang belum dijelaskan, setakat 31hb. Oktober, 1983 ialah \$213,553.18.

Mengenai bahagian (c), cadangan untuk

mengasingkan pembayaran taliair daripada cukai tanah masih dalam kajian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke-16.

16. Memandangkan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang adalah dua buah badan atau agensi Kerajaan yang berlainan dan berasingan potensi dan juga pentadbirannya, maka ini tentunya menyukarkan pengurusan dan pentadbiran yang lebih dinamik kerana ianya diuruskan oleh seorang Pegawai Pentadbiran yang mesti mematuhi Perintah-perintah Am, walhal Majlis Ugama Islam pula adalah sebuah agensi yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak seperti Jabatan Ugama yang ditadbirkan oleh seorang kakitangan dan pegawai Kerajaan yang terikat itu. Adakah Kerajaan bercadang akan mengasingkan Jabatan dan Majlis ini bagi membolehkan orang awam dilantik menjadi Yang DiPertua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang?

- (16. *In view of the fact that the State Religious Department and the State Religious Council are two separate bodies with separate administration and different potentials, it is therefore difficult for an administrative officer who is bound by the General Orders to manage and administer the two bodies in a more dynamic manner as the Religious Council is an independent agency unlike the Religious Department which is administered by Government officials and staff. Does the Government plan to separate the Department from the Council so that a private individual may be appointed President of the State Religious Council?*)

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor):

Tuan Speaker, dalam soalan yang ke 16 ini, saya suka memberi penjelasan iaitu Kerajaan Negeri belum lagi bercadang hendak mengasingkan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang kerana kedua-duanya adalah saling berkaitan dari segi fungsinya memajukan perkem-

bangsan Agama Islam di Negeri ini. Pada masa ini Majlis Ugama Islam masih lagi memerlukan perkhidmatan pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri. Namun demikian Kerajaan Negeri adalah berhasrat untuk mengasingkan jawatan Yang DiPertua Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan jawatan Yang DiPertua Majlis Ugama Islam.

Tuan Speaker, perubahan ini ialah sejajar dengan proses pindaan undang-undang pentadbiran Ugama Islam yang mana pada masa ini sedang giat dijalankan yang mana pindaan ini akan membolehkan pengisian jawatan Yang DiPertua Jabatan dengan Yang DiPertua Majlis Ugama Islam Pulau Pinang.

Untuk membolehkan jawatan ini diasingkan mengikut Seksyen 10(2) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 hendaklah dimansuhkan oleh kerana seksyen ini adalah berbunyi:-

“Maka Yang DiPertua Jabatan Hal Ehwal Ugama Pulau Pinang dan Seberang Perai hendaklah dengan sifat jawatannya menjadi Yang DiPertua Majlis dan hendaklah ianya menjadi Pegawai Kerja yang terutama baginya.”

Bersabit dengan hal ini maka undang-undang pentadbiran Ugama Islam Seksyen 10(2) ini perlulah dibuat pindaan yang mana pindaan untuk keseluruhan sedang giat dijalankan oleh pihak Jawatankuasa mengkaji undang-undang pentadbiran Ugama Islam Negeri.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya ingin menarik kepada Perkara 26(7).

Tuan Speaker:

Saya tahu, tapi lagi ada 15 minit.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Soalan yang pertama.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Saya rasa sudah cukup, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, *ruling* Tuan Speaker adalah muktamat.

Tuan Speaker:

Sebab tadi kita tangguh ½ jam. Jadi saya kira hingga 1.15 minit.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, bagaimanakah kedudukan sekarang mengenai pertikaian di antara penduduk-penduduk dan pihak pemaju Estet Thean Teik?

(1. *What is the latest position with regard to the dispute between the residents and developer of the Thean Teik Estate?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sepertimana Kerajaan sedia maklum, pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan Estet Thean Teik telah bersetuju untuk mematuhi undang-undang dan telah mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa untuk cuba menyelesaikan masalah mereka dengan aman. Adalah dilaporkan bahawa beberapa daripada penduduk-penduduk yang telah menandatangani perjanjian dengan pihak pemaju Estet Thean Teik telah merobohkan sendiri rumah-rumah mereka dan telah berpindah dalam semangap yang baik.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Soalan kedua:

2. Berapakah bayaran profesional yang dipersetujui dibayar kepada Team Three bagi projek KOMTAR dan jumlah yang sudah pun dibayar?

(2. *What was the total professional fees agreed to be paid to Team Three for KOMTAR and how much has already been paid?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, semua bayaran profesional adalah dibayar terus kepada Konsortium Pembangunan iaitu pakar perunding untuk projek KOMTAR. Pembahagian bayaran ini di antara ahli-ahli Konsortium Pembangunan ialah hal dalam Konsortium Pembangunan sendiri.

Oleh itu tiada pembayaran dibuat terus kepada pihak Jurubina Bertiga.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan ketiga:

3. Berapakah kos permulaan bagi KOMTAR?

(3. *What was the initial cost of KOMTAR project?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kos permulaan bagi projek KOMTAR ialah \$26,919,057.00. Kos permulaan ini dibelanjakan untuk memperolehi 10.87 hektar tanah.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Sila terangkan mengenai keanggotaan Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu, harta-hartanya dan cara-cara perlantikan ahli-ahlinya?)

(4. *State the composition of the Hindu Endowment Board, its assets and mode of appointment.*)

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor):

Tuan Speaker, soalan yang keempat mengenai Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu adalah seperti berikut:-

- (1) Y.B. Datuk T. Subbiah _ Pengerusi
- (2) Timbalan Pengarah Tanah dan Galian _ Setiausaha
- (3) Datuk S. Letchumanasamy _ Ahli
- (4) Encik T. Rajendra _ Ahli
- (5) Encik A.S. Maniam _ Ahli
- (6) Encik D. Joshi _ Ahli
- (7) Encik C. Anbanantham _ Ahli

Tentang harta-harta yang di bawah Lembaga ini:

- (i) Wang tunai ialah \$240,896.03.

Tentang harta-harta tetap, adakah Yang Berhormat ingin saya terangkan satu persatu?

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor):

Waterfall Temple Endowment

- (i) Lot 2836 & 2837, Mk. 16, D.T.L. — Kawasan Temple
- (ii) Lot 135, TS 21, D.T.L. — Kawasan Temple
- (iii) Lot 900, TS 3, D.T.L. — Kawasan Temple
- (iv) Lot 1015, TS 31, D.T.L. — Rumah Kedai
- (v) Lot 1652, TS 12, D.T.L. — Rumah Teres
- (vi) Lot 1671, TS 12, D.T.L. — Rumah Teres
- (vii) Lot 846, TS 2, D.T.L. — Kawasan Temple
- (viii) Lot 515, TS 21, D.T.L. — Rumah Kedai
- (ix) Lot 516, TS 21, D.T.L. — Rumah Kedai
- (x) Lot 595, TS 10, D.T.L. — Kawasan Temple
- (xi) Lot 1537, TS 5, D.T.L. — Kawasan Temple

Sri Kunji Bahari Temple Endowment

- (i) Lot 420, TS 14 D.T.L. — Kawasan Temple
- (ii) Lot 421, TS 14, D.T.L. — Rumah Teres
- (iii) Lot 340, TS 14, D.T.L. — Rumah Teres
- (iv) Lot 341, TS 14, D.T.L. — Rumah Kedai
- (v) Lot 342, TS 14, D.T.L. — Rumah Kedai
- (vi) Lot 343, TS 14, D.T.L. — Rumah Kedai
- (vii) Lot 344, TS 14, D.T.L. — Rumah Kedai
- (viii) Lot 1676, TS 12, D.T.L. — Rumah Teres
- (ix) Lot 1700, TS 12, D.T.L. — Rumah Teres
- (x) Lot 1674, TS 12, D.T.L. — Rumah Teres

Butterworth Temple Endowment

- (i) Lot 211, Sek. 2, Bandar Butterworth — Kawasan Temple
- (ii) Lot 608, Sek. 4, Bandar Butterworth — Kawasan Temple
- (iii) Lot 751, Sek. 4, Bandar Butterworth — Tanah sewa
- (iv) Lot 752, Sek. — Tanah Bandar Butterworth perkuburan
- (v) Lot 2235, Sek. 4, Bandar Butterworth — Tanah lapang
- (vi) Lot 2236, Sek. 4, Bandar Butterworth — Tanah lapang
- (vii) Lot 86, Sek. 3, Bandar Butterworth — Tanah sewa
- (viii) Lot 87, Sek. 3, Bandar Butterworth — Tanah sewa

- (ix) Lot 212, Sek. 4, Bandar Butterworth — Kawasan Temple

Ranee Dhoby Ghaut Temple Endowment

- (i) Lot 171, TS 3, D.T.L. — Kawasan Temple
- (ii) Lot 902, TS 3, D.T.L. — Rumah Kediaman
- (iii) Lot 898, TS 3, D.T.L. — Tanah lapang

Untuk pengetahuan Yang Berhormat lagi, ahli-ahli Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu adalah dilantik di bawah Seksyen 3(1), Muslim dan Hindu Endowments Ordinance, Chapter 175 (Ordinance XVII of 1905) oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, adakah Muslim and Hindu Endowments Board bercadang untuk membina satu Ayappa Sami Temple (dengan izin) dalam Waterfall?

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor):

Itu soalan lain tetapi kalau Yang Berhormat berhajat juga saya boleh minta Pengerusi Lembaga, tetapi saya berkata itu soalan lain.

Tuan Speaker:

Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan apabila memperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah kepada pemohon dan peratus yang diperuntukkan kepada setiap kaum?

(5. What are the criterias adopted by the Government when allocating low-cost houses to the applicants and the percentage allotted to each race?)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, kriteria yang digunakan oleh Kerajaan untuk memperuntukkan rumah kos rendah kepada pemohon ialah pendapatan, bilangan keluarga, tempoh menunggu, perkhidmatan masyarakat dan maklumat tambahan atau keadaan hidup pemohon itu sendiri. Markah-markah adalah diberikan bagi tiap-tiap pemohon berdasarkan kepada kriteria tersebut.

Peraturan yang diperuntukkan kepada setiap kaum ialah 45: 45: 10 bagi kaum Bumiputra, Cina dan India.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan keenam:

6. Nyatakan syarikat-syarikat asing yang mengendalikan perusahaan di Zon-zon Perdagangan Bebas di Negeri ini dan berapa di antara syarikat-syarikat itu yang telah ditutup sejak wujudnya Zon-zon Perdagangan Bebas?

(6. *State the foreign companies operating in the Free Trade Zones in the State and state the foreign companies which have closed since the inception of the Free Trade Zone.*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jumlah syarikat asing (kepu-
nyaan ekuiti 100%) yang bergerak di Zon-zon
Perdagangan Bebas di Pulau Pinang setakat 30hb.
November, tahun ini ialah 30.

Sejak wujudnya Zon Perdagangan Bebas di
Pulau Pinang hanya satu syarikat asing yang telah
ditutup.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, soalan ketujuh:

7. Nyatakan bilangan syarikat-syarikat tempatan dan usahasama yang mengendalik-
kan perusahaan di Zon-Zon Per-
dagangan Bebas dan berapakah di
antaranya yang telah ditutup sejak
wujudnya Zon-zon Perdagangan Bebas?

(7. *State the local and joint venture com-
panies operating in the Free Trade
Zones in the State and how many
have been closed since its inception?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jumlah syarikat-syarikat tem-
patan dan usahasama yang bergerak di Zon-zon
Perdagangan Bebas, Pulau Pinang, setakat 30hb.
November, tahun ini ialah 24 yang mengandungi
4 buah syarikat tempatan dan 20 buah syarikat
berusahaasama.

Sejak wujudnya Zon-zon Perdagangan Bebas,
sebanyak 5 syarikat telah ditutup; iaitu dua tem-
patan dan tiga syarikat berusahaasama.

(X) **Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh)** bertanya kepada Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, soalan yang pertama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mem-
beritahu Dewan ini, berapakah unit-
unit rumah kos rendah yang belum di-
peruntukkan di daerah berikut:-

- (a) Seberang Perai Selatan
- (b) Seberang Perai Tengah
- (c) Seberang Perai Utara
- (d) Daerah Barat Daya
- (e) Daerah Timur Laut

- (1. *How many units of low-cost housing
have not been allocated in each of the
following districts:-*

- (a) Province Wellesley South
- (b) Province Wellesley Central
- (c) Province Wellesley North
- (d) South-west District
- (e) North-east District.)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, jumlah unit rumah kos
rendah yang belum lagi diperuntukkan mengikut
daerah adalah seperti berikut:

a.	Seberang Perai Selatan	45
b.	Seberang Perai Tengah	11
c.	Seberang Perai Utara	27
d.	Daerah Barat Daya	7
e.	Daerah Timur Laut	149

		239

Nama-nama calon untuk mendiami rumah-
rumah ini telahpun ditapis dan keputusannya akan
dibuat dalam sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Mengapa
pihak Kerajaan mengambil masa yang begitu lama
untuk menyelesaikan masalah-masalah ini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, masa ini diambil oleh kerana kerja untuk menyelesaikan peruntukan ialah panjang sedikit oleh kerana peruntukan ini terpaksa digunakan untuk memperseimbangkan kedudukan rumah-rumah mengikut kuota kaum.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, soalan kedua:

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kawasan Metropolitan Pulau Pinang dan Seberang Perai belum lagi diwartakan oleh Kerajaan? Jika belum, bila?

- (2. *Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the Metropolitan Areas for Penang and Province Wellesley have not been gazetted? If so, why not?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, kawasan-kawasan Metropolitan

belum digazetkan lagi oleh pihak Kerajaan. Ini kerana memerlukan satu kajian yang menyeluruh, kajian yang *detail* dan melibatkan banyak pihak. Setelah selesai semua ini maka akan dipertimbangkan untuk digazetkan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah tujuannya untuk meluaskan kawasan ini lagi?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Setakat ini di peringkat kajian.

5. (B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN.**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

JAWAPAN-JAWAPAN KEPADA SOALAN BERTULIS**(I) Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan satu Bank Data Tanah untuk faedah rakyat dalam Negeri? Jika tiada, sila beri sebabnya. Jika ada, sila terangkan butir-butirnya dan kemajuan rancangannya.

2. Adakah Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengadakan pelan induk bagi semua perusahaan dalam Negeri Pulau Pinang? Sila berikan butir-butirnya.

Ketua Menteri:

1. Ada. Sistem Data Tanah berkomputer yang diwujudkan di Pulau Pinang adalah dibahagikan kepada tiga sub-sistem iaitu QRAS, TOLAS DAN ALIS.

QRAS — Sistem kutipan sewa tanah dan bukan sewa tanah (NONQRAS) telah pun dilaksanakan di negeri ini mulai Januari 1982.

TOLAS — Sistem Lesen Tumpangan Sementara telah juga beroperasi di Pusat Komputer Negeri mulai Januari 1982.

ALIS — Sistem maklumat tanah yang diberimilik adalah sedang dalam kajian.

2. Di dalam laporan Pelan Induk Pulau Pinang yang telah dikemukakan dalam tahun 1970 oleh tetuan Robert Nathan Associates telahpun membentangkan garis panduan-garis panduan pembangunan perindustrian bagi Negeri Pulau Pinang. Bagi Negeri Pulau Pinang, dari garis panduan-garis panduan utama adalah seperti berikut:-

- (i) untuk membentuk industri-industri '*export-oriented*' dan pembangunan industri-industri sokongan.
- (ii) Menggalakkan industri-industri mengguna bahan mentah-bahan mentah, alat ganti-alat ganti dan perkhidmatan-perkhidmatan keluaran tempatan.
- (iii) Membangun tapak-tapak perindustrian supaya berdekatan dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur.
- (iv) Memperluaskan lagi pasaran tempatan melalui satu program gantian import.

Di dalam perancangan strategi pembangunannya, Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti sektor perindustrian sebagai satu sektor yang terpenting sekali kerana sektor ini akan memberi peluang yang terbaik sekali untuk mengujudkan pekerjaan. Dalam tahun 1970, pengangguran menjadi satu masalah yang serius dan beberapa langkah telah dijalankan untuk mengujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Asas ekonomi perlu diubahsuaikan dan tindakan yang diambil ialah untuk menjalankan perindustrian dan membandarkan desa, memperluaskan lagi dan mempelbagaikan dasar '*agro-horticultural*' kita supaya seimbang dengan pembaharuan desa di Pulau Pinang.

Dari segi pembangunan perindustrian, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menggalakkan industri-industri '*export-oriented*' dan oleh yang demikian, telah mendahului di dalam pembentukan kawasan zon perdagangan bebas di Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur ke dalam industri-industri '*export-oriented*'. Industri-industri yang telahpun diberi galakan pada masa itu ialah industri-industri yang memerlukan tenaga manusia yang banyak.

Selepas 10 tahun pembangunan perindustrian dan setelah dapat mencapai satu tenaga pekerjaan yang bijak dan berdisiplin, tekanan sekarang ialah untuk menarik kilang-kilang yang mempunyai teknologi yang tinggi dan cara-cara memproses dan galakan bahan-bahan pengeluaran dengan cara-cara yang '*sophisticated*'.

Keutamaan juga diberi terhadap pembentukan industri-industri sokongan untuk memberi perkhidmatan kepada industri-industri yang ada dan memberi sokongan juga kepada industri-industri yang lebih besar yang mana akan ditubuhkan di Negeri ini dengan galakan yang diberi oleh Heavy Industries Corporation of Malaysia.

Untuk membaiki lagi kemahiran dan mengukuhkan lagi asas sektor perindustrian, industri-industri yang menggunakan logam dan juga alat-alat gantian kejuruteraan dan jentera adalah juga diberi galakan.

(II) Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini;
Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan keadaan longgang-longgang di sepanjang jalan dua lorong dari Lapanganterbang ke Jalan Mesjid Negeri penuh dengan lumpur dan rumput-ramapi dan ini merupakan ancaman kepada kesihatan penduduk?
Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan bilakah akan dijalankan?
2. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa pembinaan jalan dua lorong dari Lapanganterbang telah menyebabkan kedudukan Kampung Batu Uban lebih rendah daripada jalanraya dan oleh itu, membahayakan pengguna-pengguna jalan yang masuk dan keluar daripada jalan kampung yang sangat curam itu? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan untuk memulihkan keadaan ini dan bilakah tindakan itu akan dilakukan?
- (b) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dengan keadaan yang demikian, tangki-tangki septic di rumah-rumah kampung itu yang telah penuh tidak dapat dipam keluar kerana lori-lori

M.P.P.P. tidak dapat masuk ke kampung itu untuk menjalankan tugas?

Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini dan bilakah tindakan itu dilakukan?

- (c) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa J.K.R. telah berjanji membina satu 'rampway' supaya lima batang jalan di kampung tersebut tidak begitu curam?
Sudah dua bulan Jabatan Kerja Raya bersetuju untuk memulihkan keadaan itu tetapi sehingga ini masih tiada sebarang tindakan yang dilakukan?
Bilakah tindakan itu dapat dimulakan dan diselesaikan?
3. (a) Apakah sebab banjir yang berlaku pada 24hb. Oktober, 1983 di
 - (i) Bandar Bayan Baru
 - (ii) Jalan Tengah
 - (iii) Relau
 - (iv) Jalan Aziz Ibrahim dan Kampung Sungai Nibong Pantai
 - (v) Jalan di hadapan Zon Perdagangan Bebas Phase I & II?
 (b) Apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengelakkan kejadian banjir pada masa hadapan dari segi
 - (i) tindakan sementara
 - (ii) tindakan tetap
4. Adakah Kerajaan akan memperbaiki semula jalan-jalan dari persimpangan Jalan Relau dengan Sungai Nibong hingga ke Sungai Nibong Kecil seperti sediakala?
Jika demikian, bilakah ianya akan dimulakan?
Bilakah bulatan baru di Bayan Baru akan dibuka?
5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kanak-kanak dan penduduk-penduduk telah terjatuh ke dalam longkang besar yang terdapat di sekitar kawasan Point Block 6, Lorong Mahsuri 7, 10, 11, Bandar Bayan Baru yang tidak mempunyai pagar besi?
Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan sebarang kejadian kemalangan di masa hadapan dan bilakah tindakan tersebut akan dijalankan?
6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan Point Blok 6 di Bayan Baru terpaksa menyeberangi longkang besar di belakang Blok F untuk pergi ke pasar?
Jika ya, adakah sebatang jambatan kecil berpagar besi akan dibina dan bilakah jambatan itu akan dibina?
7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan keadaan Blok H di kawasan 6 Point Blok, Bandar Bayan Baru yang semakin tenggelam dari paras asalnya seperti yang jelas terbukti daripada parit-paritnya yang retak?
8. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa titi-titi masuk ke tujuh buah rumah di Sungai Nibong Besar dan ke Kampung Sungai Nibong Pantai tidak dibina semula atau jika dibina pun setelah roboh disebabkan pembinaan jalan dua lorong yang baru itu ianya didapati tidak cukup lebar?
Bilakah titi itu akan dibina semula seperti keadaan asalnya?
9. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan kemudahan 'Master Aerial' televisyen di kawasan kediaman Point Blok 6, Bandar Bayan Baru belum lagi disediakan oleh pihak PDC?
Bilakah kemudahan tersebut akan dapat disediakan di kawasan itu?

6. Tidak ada rancangan untuk membina jambatan kecil dengan pagar besi untuk pengguna-pengguna menyeberangi longkang besar di belakang Blok F di Point Blok. Sebatang jalan masuk telahpun disediakan melalui Jalan Mayang Pasir ke Point Blok tersebut. Penduduk-penduduk adalah dinasihatkan mengguna jalan ini untuk ke pasar di Bayan Baru. Sebagai tambahan sekeping 'slab' telah diletak melintasi longkang tersebut berdekatan dengan Jalan Mahsuri untuk menyenangkan penduduk-penduduk.
7. Keputusan penyelidikan Perbadanan membuktikan bahawa Blok H di kawasan 6 Point Blok adalah tidak mendap. Lantai dalaman blok ini adalah stabil dan tidak menghadapi sebarang perubahan. Bagaimanapun, kakilima yang mengelilingi blok tersebut didapati menghadapi sedikit pemendapan oleh kerana ianya bukan dari jenis "*suspended floor slab*". Kesan-kesan retak yang kelihatan di penjuru kakilima dengan dinding luar telah dibaiki.
8. Kesemua parit bertutup untuk jalan masuk ke rumah-rumah tersebut dan ke Kampung Sungai Nibong Pantai, termasuk titi ke Sekolah Sungai Nibong telah pun siap dibina semula. Kesemua jalan masuk ini dibina selebar yang asal ataupun lebih lebar lagi daripada yang dahulu.
9. Kemudahan Aerial T.V. Pusat (*Central Aerial T.V. (CATV)*) telahpun dipasang di tiap-tiap blok rumah pangsa 6 Point Blok di Jalan Mahsuri di Bandar Bayan Baru.
Walau bagaimanapun, beberapa alat-alat ini telah rosak dan telahpun dibaiki.

(III) Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-
 - (a) bilangan rumah kos rendah Kerajaan yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga mengikut projek?
 - (b) di antara rumah-rumah tersebut berapa unit yang telah diperuntukkan kepada rakyat mengikut projek dan baki yang belum diperuntukkan; dan
 - (c) jika ada, bilakah baki itu akan diperuntukkan?
2. Apakah sebabnya projek rumah kos rendah Kerajaan di Juru lewat disediakan?
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sebatang sungai di antara Taman Chai Leng dan Bandar Seberang Jaya banyak mendatangkan masalah seperti pembiak nyamuk dan banjir kerana sungai itu telah lama tidak dibersihkan?
Aduan-aduan telah beberapa kali dikemukakan kepada pihak yang berkenaan akan tetapi tiada apa-apa tindakan yang diambil setakat ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dalam kawasan Bukit Tengah terdapat beratus-ratus rumah yang didirikan atas tanah pertanian belum dapat diberikan nombor patil dan oleh itu tidak dapat diberi bekalan elektrik dan air?
Saya telah membangkitkan masalah ini tidak kurang daripada dua kali di Dewan ini akan tetapi masalah tersebut masih belum diselesaikan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menolong rakyat yang berkenaan? Jika ada, apakah rancangan tersebut?
5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa tanah tenggelam yang berlaku di Taman Chai Leng telah menyebabkan kerosakan kepada jalan-jalan dan sistem saluran najis di situ? Apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut?

Ketua Menteri:

1. a) Bilangan rumah awam kos rendah yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah 4,174 unit.

b) & c) Sebanyak 3,935 unit telah diperuntukkan peringkat demi peringkat dan bakinya akan diperuntukkan sedikit masa lagi.

2. Projek perumahan kos rendah di Juru telah terpaksa ditangguhkan kerana tawaran untuk projek itu adalah terlalu tinggi, iaitu melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, Kerajaan Negeri sekarang ini sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah ini dengan segera.
3. Kerajaan memang sedar akan masalah ini. Salah satu sebab kenapa berlakunya masalah yang dibangkitkan iaitu banjir adalah kerana pembuangan sampah oleh orang ramai di kawasan tersebut yang tidak terkawal sehingga pengaliran sungai tersekat.

Pembersihan secara besar-besaran akan melibatkan perbelanjaan yang besar dan tidak mungkin dapat dijalankan oleh agensi yang bertanggungjawab sekali gus. Kerajaan merancang membersihkan sungai ini dengan cara berperingkat-peringkat.

4. Terdapat tanah-tanah di Bukit Tengah yang telah dipecah sempadan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan rumah-rumah telah didirikan di atasnya tanpa kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Walau bagaimanapun Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menimbang tiap-tiap kes atas merit masing-masing.

5. Tidak berlaku sebarang pemendapan tanah di Taman Chai Leng. Cuma ianya dibina di atas tanah yang ketinggiannya sangatlah rendah. Mengenai kerosakan jalan-jalan, pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa menyelenggara jalan-jalan di sini.

Mengenai kebocoran saluran najis, sehingga kini belum ada sebarang pengaduan. Cuma pengaduan yang diterima hanyalah mengenai saluran yang tersumbat kerana pembuangan sampah sarap sesuka hati ke dalam saluran najis tersebut oleh penduduk-penduduk di kawasan itu.

(IV) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

Berikan butir-butir berikut ini:-

- (a) Jumlah wang yang dipohon oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat untuk pembinaan rumah kos rendah bagi Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat;
- (b) Jumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat untuk setiap Rancangan 5 tahun tersebut;
- (c) Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk perumahan kos rendah dengan peruntukan bagi setiap Rancangan 5 tahun tersebut; dan
- (d) Jumlah bilangan unit rumah kos rendah yang dibina dengan peruntukan tersebut mengikut Rancangan 5 tahun tersebut.

2. Sila huraikan:-

- (a) perkembangan semua projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keempat hingga setakat ini;
- (b) sama ada Kerajaan Negeri berpuashati dengan perkembangan itu setakat ini; dan
- (c) adakah semua projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh rancangan tersebut?

3. Sila huraikan:-

- (a) Jumlah hasil yang dikutip dari cukai taksiran bagi seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai pada setiap tahun selama 10 tahun;

- (b) Jumlah hasil taksiran yang akan dikutip mengikut kadar kenaikan taksiran yang baru dalam tahun 1984 di Pulau Pinang dan Seberang Perai;
 - (c) Jumlah hasil yang akan dikutip mengikut kenaikan kadar taksiran yang baru di dalam Negeri ini memandangkan pada nyatanya ianya terlalu tinggi; dan
 - (d) Mengapakah walaupun jumlah hasil yang dikutip telah bertambah, perkhidmatan pembuangan sampah-sarap dan pengawasan longkang-longkang dan jalan-jalan bertambah buruk?
4. (a) Nyatakan mengenai perjanjian yang dibuat antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan pemaju swasta untuk pembinaan sebuah hotel peranginan di Bukit Jambul; dan
- (b) Mengapakah tanah yang dibahagikan sepenuhnya untuk pembangunan hotel peranginan di Bukit Jambul tersebut diberikan kepada pemaju dari luar Negeri Pulau Pinang dan tidak kepada syarikat atau pemaju di dalam Negeri ini?
5. (a) Berapakah jumlah biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar Negeri ini yang menuntut di universiti-universiti tempatan dan luar negeri dalam masa 5 tahun ini?
- (b) Berapakah jumlah wang yang terlibat untuk tujuan-tujuan tersebut pada setiap tahun?
- (c) Berikan angka penerima-penerima biasiswa tersebut pada setiap tahun mengikut kaum.
6. (a) Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan rombongannya semasa melawat Jerman Barat baru-baru ini?
- (b) Adakah perbelanjaan lawatan cuti beliau ke Australia baru-baru ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri? Jika ya, berapakah jumlah wang yang terlibat?

Ketua Menteri:

1. (a) Jumlah wang yang dipohon oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk rumah kos rendah ialah:
- (i) Rancangan Malaysia Kedua — \$11,395,000.00
 - (ii) Rancangan Malaysia Ketiga — \$45,000,000.00
 - (iii) Rancangan Malaysia Keempat — \$404,575,500.00
- (b) Jumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan untuk rumah kos rendah ialah:-
- (i) Rancangan Malaysia Kedua — \$600,000.00
 - (ii) Rancangan Malaysia Ketiga — \$ 39,331,400.00
 - (iii) Rancangan Malaysia Keempat — \$105,978,000.00
- (c) Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk rumah kos rendah dengan peruntukan di atas ialah:
- (i) Rancangan Malaysia Kedua — \$600,000.00
 - (ii) Rancangan Malaysia Ketiga — \$37,683,560.00
 - (iii) Rancangan Malaysia Keempat — \$44,782,591.00
- (d) Jumlah bilangan unit rumah kos rendah yang dibina dengan peruntukan tersebut ialah:
- (i) Rancangan Malaysia Kedua — 470 unit (cerucuk sahaja)
 - (ii) Rancangan Malaysia Ketiga — 3,385 unit (termasuk 470 unit daripada Rancangan Malaysia Kedua)
 - (iii) Rancangan Malaysia Keempat — 4500 unit.

2. (a) Sehingga akhir bulan Jun, 1983 sebanyak 868 atau 59.4% daripada jumlah projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat telahpun siap dilaksanakan. Sebanyak 520 projek lagi adalah dalam beberapa peringkat pelaksanaan.
- (b) Kerajaan Negeri berpuas hati dengan perkembangan itu setakat ini.
- (c) Adalah menjadi harapan Kerajaan untuk melaksanakan dengan jayanya keseluruhan projek yang telah dirancang bagi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.
3. (a) Hasil yang dikutip dari taksiran untuk Pulau Pinang dan Seberang Perai selama 10 tahun yang lalu.

PULAU PINANG		SEBERANG PERAI	
1974	— \$10,727,286.00	1974	— \$ 1,620,369.90
1975	— \$13,601,698.00	1975	— \$ 1,408,284.85
1976	— \$13,899,039.00	1976	— \$ 3,652,512.41
1977	— \$15,615,089.00	1977	— \$ 4,330,929.84
1978	— \$17,108,929.00	1978	— \$ 5,478,836.80
1979	— \$18,163,022.00	1979	— \$ 6,307,834.28
1980	— \$19,556,439.00	1980	— \$ 7,497,381.53
1981	— \$20,460,145.00	1981	— \$ 9,186,742.21
1982	— \$24,700,718.00	1982	— \$10,544,755.01
1983	— \$25,143,947.00	1983	— \$11,210,306.62

- (b) (c) dan (d). Masalah ini tidak timbul kerana kenaikan cukai taksiran belum lagi diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.
4. (a) Suatu perjanjian telah ditandatangani di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Bukit Jambul Hotel Development Sdn. Bhd. bagi pajakan tanah seluas lebih kurang 6.9 ekor untuk pembinaan sebuah hotel atas kadar \$12.00 satu kaki persegi.
- (b) Di dalam perancangan untuk Bandar Bayan Baru, peruntukan untuk sebuah hotel telah dikhaskan di Bukit Jambul. Bagi pembangunan hotel, adalah diputuskan bahawa sektor swasta dijemput menyertai melalui skim "land parcellation" Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Pada tarikh tutup penerimaan tender hanya sebuah syarikat sahaja yang mengirinkan tawaran. Cadangan syarikat ini telah diteliti. Lembaga Perbadanan pada mesyuarat yang telah diadakan pada 30hb. Mei, 1983 telah memutuskan bahawa Perbadanan menerima tawaran daripada Bukit Jambul Development Sdn. Bhd.
5. (a) Sejumlah 87 Biasiswa telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada para pelajar di Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi Tempatan sahaja daripada tahun 1978 hingga 1982.
- (b) Jumlah wang yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut setiap tahun adalah:-

Tahun	Bil. Biasiswa	Peruntukan
1978	15	\$ 31,800.00
1979	22	\$ 46,400.00
1980	15	\$ 33,000.00
1981	14	\$ 18,400.00
1982	21	\$ 54,800.00
Jumlah	87	\$184,400.00

(c) Penerima tawaran biasiswa ini mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:-

Tahun	Melayu	Cina	India	Jumlah
1978	6	9	0	15
1979	5	12	5	22
1980	4	11	0	15
1981	8	6	0	14
1982	7	11	3	21

6. (a) Penyata Akaun berhubung dengan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri dan rombongannya ke Jerman Barat baru-baru ini masih belum lagi dibereskan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- (b) Y.A.B. Ketua Menteri layak mendapat cuti rehat ke seberang laut bergaji penuh selama 30 hari setahun.

Lawatannya ke Australia baru-baru ini (daripada 24hb. Oktober, hingga 9hb. November, 1983) telah diiringi oleh Puan Lim dan Pembantu Peribadinya. Jumlah perbelanjaan sebanyak \$35,744.64 telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan pembayaran dibuat mengikut peruntukan Enakmen Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), 1980.

(V) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

Memandangkan Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan mempunyai ramai orang profesional, adakah agensi-agensi Kerajaan Negeri menggambarkan peratusan kaum dalam perjawatannya?

Sila nyatakan peratus pegawai dalam berbagai kategori jawatan dari agensi-agensi Kerajaan Negeri mengikut kaum?

2. Tidak dapat dinafikan bahawa Pulau Pinang telah mencapai kemajuan yang pesat di bawah pentadbiran Kerajaan yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Walaupun demikian, masih terdapat jabatan-jabatan Kerajaan dalam Negeri ini yang tidak bertindak selaras dengan jabatan-jabatan yang lain; terdapat juga pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas dengan 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kejadian seumpama ini?
3. Untuk mengelakkan kesesakan dan untuk menggalakkan kegiatan perniagaan di merata-rata tempat di Bukit Mertajam, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sekurang-kurangnya sebuah lagi pasar umum di luar pusat bandar? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?
4. Perumahan merupakan suatu aspek keperluan kehidupan rakyat. Walaupun demikian terdapat segolongan rakyat Negeri ini yang telah menunggu peruntukan rumah kos rendah selama 7 atau 8 tahun. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyegerakan pembinaan rumah-rumah tersebut? Pembinaan rumah kos rendah di Machang Bubok dan Berapit telah lama menjadi tajuk perbincangan ahli-ahli politik tetapi masih tiada tindakan yang konkrit untuk menyiapkan rumah-rumah itu. Bilakah rancangan-rancangan itu dijangkakan siap?
5. Adalah diperhatikan bahawa Kerajaan telah pun memulakan kerja-kerja meluaskan Jalan Aston di Bukit Mertajam. Adakah kerja-kerja berkenaan dijalankan mengikut jadual.

Ketua Menteri:

1. Pengambilan para pegawai professional, seperti juga pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan lain, adalah di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, manakala penempatan pegawai-pegawai profesional ke Negeri ini dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia atau Ibu Pejabat-Ibu Pejabat di Kementerian masing-masing.

Peratusan ini bertukar-tukar dari satu masa ke satu masa mengikut pertukaran pegawai yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian masing-masing dan ini bukanlah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Peratusan pegawai-pegawai dan kakitangan semua kategori dari Kumpulan 'A' hingga ke Kumpulan Buruh adalah seperti berikut:-

	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Kumpulan A	82%	15%	3%	—
Kumpulan B	56%	39%	5%	—
Kumpulan C	69%	24%	6%	1%
Kumpulan D	73%	9%	12%	5%
Kumpulan IMG	68%	7%	24%	1%

2. Semua jabatan dan pegawai Kerajaan sedang bertindak untuk meningkatkan perkhidmatan mereka selaras dan secukupnya dengan semangat 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Ini akan memakan masa untuk mencapai matlamat sepenuhnya. Mereka yang enggan pula menyempurnakan perkhidmatan 'Bersih, Cekap dan Amanah' akan menghadapi tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib masing-masing.

Selain daripada itu Kerajaan kita juga sedang melaksanakan arahan daripada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia mengenai Fail Meja, Prosedur Kerja dan lain-lain yang akan meninggikan lagi kecekapan, mutu dan daya pengeluaran kerja.

3. Ya. Kerajaan bukan sahaja membina sebuah pasar tetapi bercadang membina 2 buah pasar awam di luar bandar Bukit Mertajam iaitu di Alma dan di Jalan Kulim. Sebuah pasar awam sedang dibina di Taman Sri Rambai, dan dijangka siap pada akhir tahun 1983 ini.
4. Kerajaan Negeri akan terus membina lebih banyak rumah-rumah awam kos rendah tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk melibatkan sektor swasta untuk membina rumah kos rendah di Negeri ini. Adalah diharapkan bahawa segala usaha-usaha ini akan dapat mengurangkan masalah-masalah perumahan yang sedang dihadapi oleh rakyat berpendapatan rendah.

Projek perumahan kos rendah di Berapit masih belum dilaksanakan oleh kerana tawaran untuk projek itu adalah terlalu tinggi (melebihi had maksima \$25,000 seunit seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan).

Projek perumahan Machang Bubok adalah termasuk dibawah projek Kategori C dalam Rancangan Malaysia Keempat dan projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja projek-projek di bawah Kategori A disiapkan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dari Kerajaan Pusat.

5. Ya. Pihak Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan kerja-kerja melebarkan Jalan Aston di bahagian-bahagian yang mana masalah tanah telahpun diselesaikan. Pemungut Hasil Tanah Bukit Mertajam, sedang menguruskan pengambilan tanah untuk baki bahagian-bahagian Jalan Aston bagi maksud yang disebutkan.

(VI) Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

- (a) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi memulihkan tanah rang yang begitu luas terdapat dalam Negeri ini? Berapa luaskah yang telah dipulihkan setakat ini dan berapa banyak wang yang telah dibelanjakan dalam projek-projek pemulihan tersebut?
 - (b) Setakat manakah kejayaan usaha-usaha dalam pemulihan tanah rang melalui penubuhan badan-badan koperatif dan secara perkongsian (iaitu, usahasama peladang – pengusaha)?
2. Memandangkan kepada kekurangan taliair di beberapa kawasan sawah padi, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu penanam-penanam padi menggunakan kawasan yang terlibat bagi tujuan pertanian yang lain seperti "*cash crops*", ternakan ikan, dan lain-lain?
 3. Berapa banyakkah lagi plot tanah perumahan yang masih boleh diperolehi (iaitu, yang belum diperuntukkan oleh Kerajaan) di setiap perkampungan baru (iaitu, Berapit, Juru Permatang Tinggi, Machang Bubok dan Sungai Lembu) di Seberang Perai Tengah? Berapakah bilangan permohonan yang masih belum diproses dari setiap kawasan yang dirujuk di atas?
 4. Dengan bantuan Pejabat-pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Seberang Perai beribu-ribu tandas curah telah diberi sebagai subsidi kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di seluruh Seberang Perai pada setiap tahun. Bagaimanapun, dalam tahun 1981 dan 1982 didapati beberapa daripada kampung-kampung baru telah tidak dimasukkan dalam peruntukan tersebut. Sila beri penjelasan mengenainya. Sila beritahu Dewan ini sekiranya terdapat kawasan-kawasan tertentu di Seberang Perai yang tidak termasuk dalam skim subsidi yang sedemikian dan jika ada, apakah sebabnya kawasan tersebut tidak dimasukkan?
 5. (a) Sila nyatakan kategori-kategori jalan tar yang bagaimanakah yang layak mendapat pemberian jalan Kerajaan Pusat untuk diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya?
 - (b) Disebabkan oleh kesilapan yang berlaku di masa lalu, banyak jalan-jalan di sekim-sekim perumahan tidak diambilalih secara rasmi oleh Jabatan Kerja Raya di atas sesuatu sebab atau pun yang lain. Akibatnya jalan-jalan ini tidak pernah diperbaiki dan sekarang ini dalam keadaan yang buruk. Sila beritahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan ini.
 6. Jalan Kampong Baru, Bukit Mertajam yang sibuk dengan lalulintas dan orang-orang berjalan kaki pada tiap-tiap hari didapati dalam keadaan buruk dan sempit di jalan bahagian atas yang mana boleh mendatangkan bahaya. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan segera untuk memperlebar dan memperbaiki keadaan jalan tersebut?
 7. Penduduk-penduduk di Permatang Tinggi telah beberapa kali memohon supaya Jalan Kampong Tongkang dan Jalan Permatang Sena ditar kerana kedua-dua jalan ini merupakan jalan utama di kawasan mereka tetapi masih tidak berjaya. Adakah pihak berkuasa berkenaan akan menimbang secara serius sama ada permohonan daripada penduduk-penduduk tersebut dapat dipenuhi selewat-lewatnya dalam tahun 1984?

Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan telah dan sentiasa berusaha untuk memulihkan kesemua tanah terbiar yang terdapat di Negeri ini. Kerajaan Negeri telah melantik beberapa buah Agensi Kerajaan, badan-badan Koperasi dan badan-badan swasta untuk melaksanakan projek pemulihan. Kemajuan pelaksanaan sentiasa dikesan oleh sebuah Jawatankuasa yang dibentuk di peringkat daerah dan Negeri.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan wang sebanyak \$500,000.00 pada tahun 1983 dan mencadangkan sebanyak \$500,000.00 lagi untuk tahun 1984 bagi membantu usaha-usaha pemulihan. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk membantu kerja-kerja membajak, baja, benih dan racun rumput.

Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan peruntukan sebanyak \$2.1 juga untuk Fasa I (1981 – 1982) dan \$4.65 juta untuk (1983 – 1984) untuk membantu pemulihan.

Luas kawasan tanah terbiar yang telah dipulih sehingga kini ialah 5,280.88 hektar (13,296 ekar). Wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri ialah \$473,743.68 dan sebanyak \$2,283,034.85 oleh Kerajaan Persekutuan.

- (b) Usaha-usaha pemulihan melalui badan-badan Koperasi dan secara perkongsian memang menunjukkan kejayaan. Buktinya ialah keluasan tanah terbiar yang dapat dipulih sejak tahun 1981. Kerjasama antara tuan-tuan tanah, petani-petani dan perlaksana-perlaksana sangat memuaskan.

2. Kerajaan memang ada rancangan untuk membantu penanam-penanam padi untuk mengusahakan kawasan-kawasan padi yang kekurangan air. Beberapa kawasan sawah padi telah dibantu dengan projek subsidi sayur-sayuran dan tanaman-tanaman jangka pendek seperti, betik, tebu, jagung dan lain-lain. Contohnya di Bukit Teh dan di Cerok To' Kun di Seberang Perai Tengah. Bantuan-bantuan akan terus diberi selagi ada permohonan dari petani-petani.

Kolam-kolam menternak ikan air tawar juga dibantu secara subsidi di kawasan-kawasan padi yang sukar untuk mengalirkan air keluar dan tidak dapat diusahakan dengan padi lagi.

3. Lot-lot bagi tujuan perumahan yang masih kosong dan bilangan permohonan yang sedang diproses di kampung-kampung baru di Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:-

	Kampung Baru	Bilangan lot kosong	Bilangan Permohonan
a.	Berapit	3	0
b.	Juru	114	251
c.	Permatang Tinggi	2	0
d.	Machang Bubok	100 (68 lot dikhaskan untuk Rancangan Rumah Murah)	57 (bagi baki 32 lot)
e.	Sungai Lembu	76 (50 lot dikhaskan untuk Rancangan Rumah Murah)	31 (bagi baki 26 lot)

4. Oleh kerana banyak permohonan yang diterima tetapi bekalan adalah terhad maka semua permohonan tidak dapat dilaksanakan dalam satu tahun yang sama. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1981 dan 1982 beberapa buah kampung baru tidak menerima kemudahan, namun bagi tahun 1983 kampung-kampung baru ini telah menerima beberapa buah tandas curah. Tidak ada kawasan-kawasan yang tertentu yang tidak termasuk dalam sekim subsidi ini kerana semua kampung baru adalah layak untuk mendapat subsidi tandas curah.

Projek Tandas Curah yang diluluskan untuk Perkampungan-perkampungan Baru di Seberang Perai

Tahun 1981

Kampong Selamat	—	10 buah
Perkampungan Jawi	—	13 buah
Perkampungan Sungai Lembu	—	30 buah
Perkampungan Machang Bubok	—	20 buah
Perkampungan Berapit	—	24 buah
Perkampungan Juru	—	35 buah
Perkampungan Permatang Tinggi	—	15 buah
		=====
		147 buah
		=====

Tahun 1982

Perkampungan Sungai Kecil	—	29 buah
Perkampungan Jawi	—	25 buah
Kampong Selamat	—	28 buah

		82 buah
		=====

Tahun 1983

Perkampungan Valdor	—	52 buah
Perkampungan Sungai Kecil	—	21 buah
Perkampungan Jawi	—	11 buah
Perkampungan Berapit	—	11 buah
Perkampungan Machang Bubok	—	26 buah
Perkampungan Permatang Tinggi	—	11 buah
Perkampungan Sungai Lembu	—	7 buah
Kampong Selamat	—	24 buah

		163 buah
		=====

5. (a) Taraf minima untuk sesuatu jalan layak mendapat pemberian jalan bagi maksud penyelenggaraan ialah lebar resab jalan hendaklah sekurang-kurangnya 40 kaki. Jalan-jalan yang dibina di sekim-sekim perumahan persendirian yang mengikut spesifikasi dan pelan-pelan jalan dan parit yang diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya akan diambil alih untuk penyelenggaraan dan layak mendapat pemberian jalan.
- (b) Kerajaan Negeri sedar akan perkara ini dan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan penyiasatan tapak bagi menyediakan anggaran untuk menaikkan tarafnya serta menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan Kerajaan Negeri bagi maksud pengambilalihan secara kes demi kes.
6. Jalan tersebut ialah masuk ke Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang di Bukit Mertajam. Kerja-kerja menggali jalan telahpun dijalankan oleh Pihak Telekom, Bukit Mertajam untuk meletakkan kabel-kabelnya, dan jalan tersebut telahpun dibaiki semula.
Tiada rancangan untuk memperbaiki jalan tersebut.
7. Permohonan ini telah dipertimbangkan (dalam tahun 1981 tetapi tidak dapat diluluskan oleh sebab faktor-faktor berikut:-
 - (i) Jalan tanah merah yang ada sekarang luasnya 10 — 12 kaki. Jalan yang boleh dimasukkan di dalam program jalan-jalan kampung ialah di antara 6 — 8 kaki.
 - (ii) Jalan-jalan ini sedang digunakan oleh lori-lori berat yang mengangkut kelapa sawit dan getah. Sepatutnya tuan punya ladang getah dan kelapa sawit yang perlu membaiki dan mengetar jalan tersebut. Sekiranya Kerajaan membina jalan tar melalui peruntukan Pejabat Daerah, lori-lori berat tidak boleh dibenarkan menggunakan jalan-jalan ini kerana boleh merosakkannya.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

(I) The Member for Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum) asks the Hon'ble the Chief Minister:-

1. Will the State Government establish a Land Data Bank for the benefit of the people in Penang? If not, give reasons. If so, please give details and progress of the plan.
2. Does the State Government and the Penang Development Corporation have a master plan for industrial development in the State? Please give details.

Chief Minister:

1. Yes. The Computerised Land Data System established in Penang is divided into 3 sub-systems namely QRAS, TOLAS and ALIS.

QRAS — Collection of Quit Rent and non Quit Rent System has been implemented in the State with effect from January, 1982.

TOLAS — Temporary Occupation Licence System has been in operation at the State Computer Centre with effect from January, 1982.

ALIS — Information on alienated lands system is still under study.

2. M/s Robert Nathan Associates in their Penang Master Plan report submitted in 1970 set out guidelines for industrial development in the State. For the State of Penang, the main guidelines were:
 - (i) to establish export-oriented industries and the development of supportive industries.
 - (ii) to promote industries using domestic raw materials, parts and services.
 - (iii) to develop industrial sites in close proximity to infrastructural facilities.
 - (iv) to expand the domestic market through a programme of import substitution.

The State Government in planning for the development strategy for the State had identified the industrial sector as the most important sector as it was this sector that would provide the best opportunities for job creation. In 1970, unemployment was a serious problem and every effort had to be made to create more job opportunities. The economic base needed to be restructured and the strategy thus adopted was to carry out rural industrialisation and rural urbanisation, extension and diversification of our agro-horticultural base concomitant with urban renewal in Penang.

In the case of industrial development, the State Government decided to promote export-oriented industries and therefore, pioneered the establishment of a free-trade zone in Malaysia in order to attract investments in export-oriented industries. The industries that were encouraged at that time were labour-intensive.

After a decade of industrial development and having established a well-disciplined, intelligent workforce, the emphasis now is to attract industries with higher technology and sophisticated methods of processing and manufacturing. Emphasis is also on the establishment of supportive industries to service the existing industries and to service the heavy industries that will be set up in this country with the encouragement of the Heavy Industries Corporation of Malaysia. To improve upon the skills and to give a firmer base to the industrial sector, industries using metals and with engineering and machine parts are also being encouraged.

(II) The Member for Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik) asks the Hon'ble the Chief Minister:-

1. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the roadside drains along the new Dual Carriageway from the Airport to Green Lane are clogged with debris and grass, thus posing a health hazard to the people?

If so, what measures are being taken and when will it be done?

2. (a) Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the new Dual Carriageway from the Airport has made the Batu Uban Village very much lower and therefore caused traffic hazard to motorists turning in and out of the kampung roads which are very steep?

If so, what measures will be taken to correct the situation and when will it be done?

- (b) Is the Hon'ble the Chief Minister aware that as a result of this, the septic tanks of houses there are overflowing because the disludging lorries of the Municipal Council Penang Island cannot enter into the kampung?

What action will be taken to rectify this and when will it be done?

- (c) Is the Hon'ble the Chief Minister aware that JKR has promised to build a rampway so that the gradient of the 5 village roads will not be so steep?

It has been 2 months since JKR agreed to rectify the situation but nothing has been done to date? When will it commence and be completed?

3. (a) What was the cause of the recent flood on 24th October, 1983 at

- (i) Bandar Bayan Baru
- (ii) Jalan Tengah
- (iii) Relau
